WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR




# LAPORAN TAHUNAN 2013

## Memacu Transformasi, Memajukan Rakyat

# Rasional

Laporan Tahunan 2013 ECER bertemakan **“Memacu Transformasi, Memajukan Rakyat”**. Ini digambarkan melalui sekumpulan kanak-kanak yang melambangkan masa depan kita. Wajah ceria kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai kaum di wilayah Pantai Timur mewakili sebahagian daripada generasi muda yang menyaksikan transformasi dan menikmati kemajuan berterusan yang dibawa oleh ECERDC. Kepimpinan yang diberi ialah melalui proses transformasi tanpa melupakan nilai-nilai tradisi.

Wau iaitu layang-layang tradisional ialah simbolik kepada pemeliharaan budaya meskipun Wilayah ini sedang menikmati arus pembangunan yang pesat. Manakala suasana kehijauan yang tenang menggambarkan fokus ECERDC yang sentiasa memastikan setiap pembangunan dijalankan secara mampan tanpa menjejaskan alam semula jadi yang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita.

# Kandungan


Perutusan Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 06

Anggota Majlis 12

Jawatankuasa Audit 14

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan 15

Jawatankuasa Pengurusan 17

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) 18

Mengenai ECERDC 40

Struktur Organisasi 42

ECER: Memacu Transformasi, Memajukan Rakyat 43

ECER: Pemacu Utama
- Pembuatan 54
- Minyak, Gas & Petrokimia 60
- Pelancongan 66
- Pertanian 80
- Pembangunan Modal Insan 94

Projek Khas: DARA & LKWJ 112

Pembangunan Mampan: Alam Sekitar 120

Infrastruktur 130

Gerbang Pelabur 140

Warga ECERDC 150

ECER di Media 2013 158

Kalendar Aktiviti 2013 166

Penyata Kewangan 174

Laporan Jawatankuasa Audit 193

# MENGENAI ECER

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Malaysia merupakan sebuah koridor ekonomi yang ditubuhkan untuk mewujudkan pengagihan kekayaan secara seimbang di Malaysia, selaras dengan aspirasi Nasional untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia merangkumi 51% daripada keluasan Semenanjung Malaysia. Ia terdiri daripada negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, serta daerah Mersing di Johor dengan jumlah penduduk seramai 4.3 juta orang.

## VISI

**Menjadi Wilayah maju menjelang 2020**

**Distingtif - Dinamik - Berdaya Saing**

## MISI

Misi ECER meliputi lima teras utama dan setiap satunya mempunyai petunjuk utama khusus yang boleh digunakan untuk mengukur tahap pencapaian. Teras-teras utama misi adalah seperti berikut:

**Meninggikan rantaian nilai ekonomi**

**Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi**

**Menangani ketidaksamaan sosioekonomi secara konstruktif dan produktif**

**Menambah baik kemampanan dan tahap kualiti kehidupan**

**Memantapkan keupayaan institusi dan pelaksanaan**

# Wilayah Ekonomi
# Pantai Timur








Lonjakan kemasukan pelaburan daripada pelabur asing dan tempatan telah mewujudkan sumber kekayaan baharu serta lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat di Wilayah ini.

# Perutusan

## Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak



Selaku Pengerusi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Tahun 2013 merupakan tahun yang amat bermakna bagi ECERDC dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) kerana tahun ini merupakan ulang tahun kelima penubuhannya. Tempoh lima tahun ini telah menyaksikan transformasi yang mengkagumkan di persekitaran sosioekonomi ECER seperti yang dibawa oleh tema perayaan ulang tahun kelimanya, **"Memacu Transformasi, Memajukan Rakyat"**. Perkembangan positif ini selari dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Lonjakan kemasukan pelaburan daripada pelabur asing dan tempatan telah mewujudkan sumber kekayaan baharu serta lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat di Wilayah ini. Transformasi ECER yang menjadikannya sebuah destinasi pelaburan bertaraf dunia adalah hasil pembangunan infrastruktur dan sosial yang dilaksanakan di Wilayah ini oleh Kerajaan Persekutuan, menerusi ECERDC. Bagi menjayakan tujuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.6 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 untuk melaksanakan 111 projek infrastruktur, pembangunan modal insan dan pembasmian kemiskinan di ECER.

## Perutusan Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)




*Majlis Perasmian Taman Industri Malaysia-China Kuantan*

Pertambahan pelaburan di Wilayah ini juga hasil usaha promosi pelaburan yang dijalankan oleh ECERDC secara usaha sama; antaranya dengan beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Wilayah ini menjadi destinasi pilihan pelabur kerana kepelbagaian sumber asas ECER, dasar Kerajaan yang mesra perniagaan, pakej insentif fiskal dan bukan fiskal yang menarik dan lokasinya yang menyediakan laluan paling singkat ke pasaran ASEAN, Timur Jauh dan Asia Pasifik yang mempunyai empat bilion penduduk. Antara pelabur bertaraf antarabangsa di Wilayah ini ialah BASF, Daimler Chrysler, Volkswagen, Kaneka, CheilJedang, Arkema S.A., Gevo Inc. dan Huntsman International LCC.

Sukacita saya kongsikan di sini, sejak tahun 2007 hingga penghujung 2013, ECER telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM55.8 bilion. ECER berjaya mencapai lebih dari separuh pelaburan yang disasarkan bernilai RM110 bilion menjelang tahun 2020 dan seluruh pelaburan ini dijangka akan mewujudkan 55,000 peluang pekerjaan kepada rakyat. Penggerak utama kepada pelaburan ini adalah projek-projek yang strategik, berimpak dan bernilai tinggi yang dilaksanakan dan telah menyumbang secara ketara kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Zon Ekonomi Khas (ECER SEZ) terus memainkan peranan sebagai pemangkin pelaburan di ECER. Projek-projek utama di zon ekonomi ini adalah seperti Peluasan Pelabuhan Kuantan, Taman Industri Malaysia-China Kuantan, Taman Biopolimer Kertih, Taman Bio Bersepadu Kuantan, Taman Automotif Pekan dan Taman Industri Halal Gambang.

Salah satu detik penting ECER pada tahun 2013 ialah perasmian Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP) yang merupakan taman perindustrian pertama di Malaysia yang diberikan status Nasional. MCKIP dijangka akan meningkatkan hubungan Malaysia-China ke tahap yang lebih tinggi. Setakat ini, ia telah menarik komitmen pelaburan bernilai RM10.5 bilion yang akan mewujudkan 8,500 peluang pekerjaan.

Tahun 2013 juga menyaksikan pelancaran rasmi projek Peluasan Pelabuhan Kuantan yang dijangka akan menjadi pencetus perubahan dalam menampilkan ECER sebagai sebuah destinasi pelaburan dan perdagangan utama. Kelebihan Pelabuhan Kuantan terletak pada lokasinya yang strategik dan kesediaannya sebagai sebuah pelabuhan serba guna untuk perdagangan serantau. Apabila ia siap pada tahun 2015, pelabuhan ini akan terus mengangkat status Malaysia sebagai salah satu daripada negara perdagangan yang terkemuka di dunia.

Pelabuhan Kuantan akan menjadi nukleus kepada pembangunan yang lebih besar iaitu Bandar Pelabuhan Kuantan (KPC). Pembangunan KPC sudah dimulakan di sebuah tapak seluas 13,000 hektar yang akan ditransformasi menjadi sebuah hab logistik dan perindustrian yang giat menjelang tahun 2020. Ia digambarkan sebagai sebuah bandar moden dan cekap, dipenuhi dengan pelbagai aktiviti komersial, institusi pendidikan dan kawasan kediaman yang mampu memenuhi keperluan aktiviti perindustrian dan perdagangan yang berkaitan dengan pelabuhan.

Projek-projek strategik lain yang memberi impak tinggi pada pembangunan sosioekonomi di Wilayah ini adalah termasuk Taman Industri Halal Pasir Mas dan Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali di Kelantan, Pusat Bandar Kuala Terengganu, Taman Biopolimer Kertih dan Taman Bioteknologi dan Herba Pasir Raja di Terengganu.

Program Transformasi Ekonomi ECER adalah berkenaan dengan membolehkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Wilayah ini serta dilaksanakan dalam kaedah yang seimbang, dengan memastikan pengagihan kekayaan dibahagikan secara sama rata kepada rakyat di Wilayah ini. Sebagai contoh, program Pembangunan Modal Insan ECERDC yang dibangunkan bagi tujuan melahirkan komuniti usahawan jelas dapat membantu para usahawan untuk menjana pendapatan yang




*Y.A.B. Perdana Menteri bersama peserta Agropolitan Tanjung Batu, Pekan*

lebih tinggi. Usahawan-usahawan ini menjana pendapatan yang lebih tinggi menerusi pelbagai jenis kursus latihan yang disediakan oleh pihak ECERDC antaranya ialah ***empower* ECER**, Program Pembangunan Keusahawanan ECER dan Dana Mudahcara TERAJU@ ECER.

Prinsip pertumbuhan berasaskan kesaksamaan jelas dapat dilihat pada inisiatif pembangunan di Kelantan, Terengganu dan Pahang serta daerah Mersing, Johor. Untuk menyelaraskan faedah dan hasil dari projek transformasi ECER ini, perhatian yang sama juga diberikan kepada penduduk luar bandar. ECERDC telah menghubungkan kawasan penempatan ini dengan pusat-pusat pekerjaan dan latihan pembelajaran di kawasan bandar dengan menaik taraf infrastruktur dan hubungan telekomunikasi. Industri-industri kecil di kawasan ini juga turut menerima rangsangan hasil daripada peningkatan hubungan pasaran. Hasil dari peningkatan perhubungan ini, penduduk luar bandar kini berpeluang

menikmati aktiviti berbentuk perladangan dan bukan perladangan dan dalam masa yang sama boleh mendapat manfaat dari peningkatan pendapatan. Program ini dan program-program lain seperti program transformasi luar bandar di kawasan yang sebelum ini ditadbir oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) adalah sebahagian daripada usaha ECERDC untuk meningkatkan taraf komuniti luar bandar agar semua rakyat di ECER dapat menikmati hasil daripada Wilayah yang telah ditransformasikan menjelang 2020.

Transformasi ECER selama lima tahun ini adalah hasil usaha sama banyak pihak yang mana dedikasi mereka kepada pembangunan sosioekonomi telah membawa kita ke tahap sekarang ini. Ucapan penghargaan Kerajaan kepada semua yang terlibat dan mengharapkan sokongan yang berterusan untuk menjadikan ECER sebuah Wilayah maju menjelang 2020.

Secara khususnya, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, dan tidak lupa Kementerian dan agensi–agensi Kerajaan Persekutuan serta sektor swasta kerana memainkan peranan penting dalam proses transformasi Wilayah Pantai Timur ini.

Terima kasih juga kepada ahli Majlis serta pihak pengurusan dan warga kerja ECERDC atas sikap profesional, kerja keras dan dedikasi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pelbagai projek dan program ECER.

Dengan sokongan dan sumbangan berterusan daripada semua pihak yang terlibat, saya yakin bahawa kita boleh bersama-sama memacu transformasi ECER dan menjadikannya sebuah Wilayah maju menjelang tahun 2020 demi manfaat rakyat.

**1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"**



**DATO' SRI MOHD NAJIB**
Perdana Menteri Malaysia dan
Pengerusi Majlis Pembangunan Wilayah
Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

# Anggota
# Majlis



**Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak**
Perdana Menteri Malaysia dan Pengerusi ECERDC



**Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin**
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



**Y.A.B. Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob**
Menteri Besar Pahang



**Y.A.B. Dato' Seri Haji Ahmad bin Said**
Menteri Besar Terengganu



**Y.A.B. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob**
Menteri Besar Kelantan



**Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin**
Menteri Besar Johor



**Y.B. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah**
Menteri Kewangan II



**Y.B. Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



**Y.Bhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa**
Ketua Setiausaha Negara Malaysia



**Y.Bhg. Tan Sri Dato' Shamsul Azhar bin Abbas**
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)



**Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng**
Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Kumpulan Syarikat IOI



**Y.Bhg. Dato' Jebasingam Issace John**
(Setiausaha Majlis)
Ketua Pegawai Eksekutif, ECERDC

# Jawatankuasa Audit



*Duduk dari kiri*

**Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng**
Pengerusi Eksekutif Kumpulan,
Kumpulan Syarikat IOI

**Y.Bhg. Tan Sri Dato' Shamsul Azhar bin Abbas**
(Pengerusi Jawatankuasa Audit ECERDC)
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan,
Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)

*Berdiri dari kiri*

**Aisha binti Abdul Manaf**
(Setiausaha Jawatankuasa Audit)
Pengurus Kanan, Audit Dalam ECERDC

**Y.Bhg. Tan Sri Haji Shukry bin Mohd Salleh**
Ketua Pengarah,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
Jabatan Perdana Menteri

**Y.Bhg. Dato' Mat Noor bin Nawi**
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar),
Kementerian Kewangan Malaysia

## Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Penyelarasan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menyegerakan pelaksanaan pembangunan dan pelaburan strategik di negeri masing-masing




### Pahang

*Duduk dari kiri*

1. **Y.Bhg. Dato' Haji Rahim bin Abu Bakar**
   Pengarah, Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan
2. **Y.B. Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail**
   Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
3. **Y.A.B. Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob**
   Menteri Besar Pahang
4. **Y.Bhg. Dato' Jebasingam Issace John**
   Ketua Pegawai Eksekutif, ECERDC
5. **Y.Bhg. Dato' Abdul Majid bin Kutiran**
   Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Sektoral, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

*Berdiri dari kiri*

1. **Y.H. Dato' Hajjah Mahadiah binti Haji Mohamad**
   Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pembangunan)
2. **Y.H. Dato' Azizan bin Ahmad**
   Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang
3. **Tuan Haji Mohamad Nor bin Taib**
   Pengarah Kanan, Seksyen Pembangunan Koridor, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
4. **Y.H. Dato' Dzul-Kifly bin Osman**
   Pegawai Kemajuan Negeri Pahang, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang
5. **Y.H. Dato' Zainon binti Ahmad**
   Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang



### Terengganu

*Duduk dari kiri*

1. **Tuan Haji Mohamad Nor bin Taib**
   Pengarah Kanan, Seksyen Pembangunan Koridor, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
2. **Y.Bhg. Dato' Jebasingam Issace John**
   Ketua Pegawai Eksekutif, ECERDC
3. **Y.A.B. Dato' Seri Haji Ahmad bin Said**
   Menteri Besar Terengganu
4. **Y.B. Dato' Haji Mazlan bin Ngah**
   Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
5. **Y.Bhg. Dato' Haji Rahim bin Abu Bakar**
   Pengarah, Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan

*Berdiri dari kiri*

1. **Tuan Haji Ahmad Shahrom bin Haji Yasin**
   Pegawai Kemajuan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu
2. **Y.Bhg. Leftenan Jeneral (B) Tan Sri Dato' Haji Wan Abu Bakar bin Haji Wan Omar**
   Wakil Swasta
3. **Y.Bhg. Dato' Haji Mat Razali bin Kassim**
   Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu
4. **Y.Bhg. Dato' Haji Tuan Mamat bin Tuan Ngah**
   Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu
5. **Tuan Haji Mohd Anuar bin Maidin**
   Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Terengganu
6. **Puan Harjit Kaur Chand Singh**
   Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Pelaburan Fasilitasi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

# Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Penyelarasan




## Kelantan

*Duduk dari kiri*

1. **Y.Bhg. Dato' Haji Rahim bin Abu Bakar**
   Pengarah, Bahagian Pengurusan Belanjawan,
   Kementerian Kewangan
2. **Y.B. Dato' Dr. Haji Zainuddin bin Haji Ibrahim**
   Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
3. **Y.A.B. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob**
   Menteri Besar Kelantan
4. **Y.Bhg. Dato' Jebasingam Issace John**
   Ketua Pegawai Eksekutif, ECERDC
5. **Y.Bhg. Dato' Nik Rahmat bin Nik Taib**
   Timbalan Ketua Setiausaha (Industri),
   Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

*Berdiri dari kiri*

1. **Tuan Haji Mohamed Fauzi bin Zain**
   Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
2. **Y.Bhg. Dato' Makhtar bin Mustapha**
   Pengarah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan
3. **Tuan Haji Mohamad Nor bin Taib**
   Pengarah Kanan, Seksyen Pembangunan Koridor,
   Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
4. **Y.Bhg. Dato' Haji Nik Kazim bin Nik Yusoff**
   Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
5. **Y.Bhg. Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal**
   Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan
6. **Encik Zamakhshari bin Muhamad**
   Pengurus, Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.



## Johor

*Duduk dari kiri*

1. **Y.Bhg. Dato' Haji Rahim bin Abu Bakar**
   Pengarah, Bahagian Pengurusan Belanjawan,
   Kementerian Kewangan
2. **Y.Bhg. Dato' Jebasingam Issace John**
   Ketua Pegawai Eksekutif, ECERDC
3. **Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin**
   Menteri Besar Johor
4. **Y.Bhg. Dato' Nik Rahmat bin Nik Taib**
   Timbalan Ketua Setiausaha (Industri),
   Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
5. **Tuan Haji Mohamad Nor bin Taib**
   Pengarah Kanan, Seksyen Pembangunan Koridor,
   Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri

*Berdiri dari kiri*

1. **Encik Muhammad Sukry bin Abd. Rahim**
   Wakil dari Pejabat Yang DiPertua Majlis Daerah Mersing
2. **Tuan Haji Abdul Rahman bin Sbri**
   Wakil Swasta
3. **Dr. Badrul Hisham bin Kassim**
   Timbalan Pengarah 1,
   Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor
4. **Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd Salam**
   Pegawai Daerah Mersing

# Jawatankuasa Pengurusan




*Duduk dari kiri*

**Zulkifli bin Ya'acob**
Pengurus Besar,
Bahagian Pembangunan Sosial

**Ragu Sampasivam**
Pengurus Besar,
Bahagian Pembangunan Perniagaan

**Y.Bhg. Dato' Jebasingam Issace John**
Ketua Pegawai Eksekutif

**Nik Amri bin Nik Mohamed**
Pengurus Besar,
Bahagian Kewangan

**Zamri bin Ahmad**
Pengurus Besar,
Bahagian Pengurusan Pelaburan

*Berdiri dari kiri*

**Kauthar binti Ali**
Penasihat Kanan Undang-Undang

**Noor Azma binti Abdul Rahman**
Pengurus Besar,
Bahagian Komunikasi Korporat

**Ibrahim Arifi bin Mat**
Pengurus Besar,
Bahagian Hartanah, Pelancongan dan Pembuatan

**Arizan bin Arifin**
Pengurus Besar,
Bahagian Infrastruktur

**Ahmad Fuad bin Sulaiman**
Pengurus Besar,
Pejabat Negeri Terengganu

**Syed Zikiri bin Syed Hassan**
Pengurus Besar,
Bahagian Pertanian

**Mohd Mazlan bin Sharudin**
Pengurus Besar,
Pejabat Negeri Pahang

**Jalaludin bin Omar**
Pengurus Besar,
Pejabat Negeri Kelantan

**Ann Jennifer Victor Isaacs**
Pengurus Kanan,
Sekretariat Majlis

**Dr. Zaleha binti Mohd Mydin**
Pengurus Besar,
Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran



ECER terus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah destinasi pembuatan yang berdaya saing dengan menarik pelaburan tertinggi pada tahun 2013.

# Laporan

## Ketua Pegawai Eksekutif
## Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

Dato' Jebasingam Issace John



Selaku Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), saya dengan sukacitanya membentangkan laporan projek dan pembangunan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Tahun 2013 merupakan satu tahun yang penting dalam sejarah ECERDC kerana kita menyambut ulang tahun yang kelima penubuhannya. Sejajar dengan tema sambutan, **"Memacu Transformasi, Memajukan Rakyat",** ECERDC terus membawa pembangunan pertumbuhan sosioekonomi ke ECER.

Berpandukan objektif-objektif peringkat tinggi seperti yang digariskan dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kami, ECERDC telah berjaya melepasi sasarannya bagi tahun 2013 dari segi pelaksanaan dan impak projek dan program kami kepada rakyat. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan sebenar pelaburan swasta, pelaksanaan projek dan kewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Sejak tahun 2007 hingga akhir 2013, ECER telah menarik RM55.8 bilion pelaburan yang mewujudkan kira-kira 55,000 peluang pekerjaan untuk rakyat. Jumlah pelaburan tersebut telah pun melepasi separuh daripada paras sasaran pelaburan ECER iaitu RM110 bilion menjelang tahun 2020 yang dijangka mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan tersebut kebanyakannya adalah dari industri berteknologi tinggi dan industri tambah nilai.

Pelaburan ini dipacu oleh projek berimpak tinggi seperti Taman Industri Halal Pasir Mas, Loji Rawatan Air Panching, Taman Biopolimer Kertih, projek Peluasan Pelabuhan Kuantan, Taman Industri Malaysia-China Kuantan, Taman Bio Bersepadu Kuantan dan Taman Automotif Pekan.

Program Pembangunan Modal Insan ECERDC yang inklusif bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi yang memanfaatkan rakyat di Wilayah ini, telah juga menampakkan hasilnya.




*Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP) antara ECER dan KANEKA*

Ketika program transformasi ECER sedang rancak diusahakan bagi mencapai sasaran 2020, saya dengan sukacitanya ingin menyatakan bahawa program transformasi luar bandar terus mendekati rakyat yang tinggal di luar bandar. Jurang perbezaan ekonomi di antara komuniti luar bandar dan bandar mula mengecil memandangkan mereka kini berpeluang menambah pendapatan dan berniaga, seterusnya memberi mereka kehidupan yang lebih baik seperti mana yang dapat dilihat di bekas kawasan yang dahulunya di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ).

## PEMBUATAN

### Membangunkan ECER sebagai Hab Pembuatan Serantau

ECER terus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah destinasi pembuatan yang berdaya saing dengan menarik pelaburan tertinggi pada tahun 2013 berjumlah RM10.5 bilion.

Taman perindustrian bertaraf nasional pertama, Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP), telah dilancarkan bersama oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Pengerusi Persidangan Konsultatif Politik Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Jia Qinglin, pada Februari 2013. MCKIP akan dibangunkan oleh




*Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian MCKIP*

Malaysia dan China di bawah prinsip "dipandu oleh Kerajaan dan dipacu oleh sektor swasta". MCKIP dijangka akan meningkatkan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara ke tahap yang lebih tinggi.

Dibina di atas tapak seluas 685 hektar dalam kawasan Pelabuhan Kuantan di Zon Ekonomi Khas ECER, MCKIP mensasarkan industri-industri berteknologi tinggi bukan sahaja dari China dan Malaysia, malah dari negara-negara lain. Ia dijangka menyediakan 8,500 pekerjaan bagi penduduk tempatan menjelang tahun 2020 dan menawarkan peluang yang besar bagi penglibatan Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam industri-industri sokongan.

Sehingga kini, MCKIP telah menarik komitmen pelaburan berjumlah RM9 bilion yang meliputi RM3.5 bilion oleh Guangxi Beibu Gulf International Port Group milik Kerajaan dan RM2.5 bilion oleh Pemaju Induk MCKIP, sebuah syarikat usaha sama antara dua buah konsortium dari Malaysia dan China.




*Taman Automotif Pekan*



*Taman Automotif Pekan (PAP)*

Satu lagi projek penting ialah Taman Automotif Pekan (PAP) yang berjaya menarik kehadiran jenama-jenama global seperti Mercedes Benz, Volkswagen dan Suzuki melalui DRB-HICOM. PAP dijangka akan menarik pelaburan berjumlah RM5.2 bilion, mewujudkan lebih daripada 28,000 pekerjaan dan 270 usahawan menjelang tahun 2020.

PAP akan memfokuskan kepada aktiviti pembuatan tambah nilai tinggi dengan penekanan khusus kepada pengeluaran kenderaan premium dan berteknologi alternatif. Apabila kerja-kerja peluasan siap sepenuhnya pada tahun 2020, pangkalan-pangkalan pembuatan dan loji-loji pemasangan PAP akan berupaya memanfaatkan lokasinya yang strategik berhampiran dengan Pelabuhan Kuantan yang telah diperluaskan sebagai pangkalan membekal dan mengedar kenderaan bermotor untuk Asia Tenggara. Taman-taman industri halal ECER yang terletak di Pasir Mas, Kelantan dan Gambang, Pahang disasarkan untuk menggalakkan produk makanan bernilai tinggi dan produk bukan makanan bagi pasaran domestik dan global.



*Taman Industri Halal Pasir Mas*

Kompleks Perniagaan Usahawan di Taman Industri Halal Pasir Mas yang terletak di atas tapak seluas 1.81 hektar telah siap pada bulan Jun 2013 dan kini sedia untuk beroperasi. Taman tersebut akan memfokuskan kepada pengeluaran produk halal hiliran bernilai tinggi seperti nutrasetikal, herba, rempah, sos, produk berasaskan agro dan daging.



*Taman Biopolimer Kertih*



*Taman Industri Halal Gambang*

Taman Industri Halal Gambang dengan keluasan 45 hektar juga kini sedia untuk beroperasi. Taman ini akan memfokuskan kepada pengeluaran produk berasaskan makanan dan bukan makanan seperti farmaseutikal, kosmetik & penjagaan diri, bahan tambahan & ramuan serta gelatin.

## MINYAK, GAS & PETROKIMIA

Kluster Minyak, Gas & Petrokimia ECERDC bertumpu di Kertih, Terengganu dan Gebeng, Pahang dengan syarikat global minyak, gas dan petrokimia beroperasi dari Kompleks Petrokimia Bersepadu Kertih dan Kompleks Petrokimia Bersepadu Gebeng. Kedua-dua kompleks ini merupakan sebahagian daripada Kompleks Industri Petroleum PETRONAS.

Aktiviti kluster ini terdiri daripada aktiviti eksplorasi minyak dan gas, pembangunan dan pengeluaran, penapisan minyak mentah, pemprosesan gas asli dan pengeluaran produk petrokimia.



*Taman Biopolimer Kertih merupakan Kompleks Penapisan terbesar di Asia*

**Meningkatkan Rantaian Nilai Melalui Bioteknologi**

ECERDC telah membentuk satu strategi untuk membangunkan industri hiliran berasaskan pembuatan untuk menghasilkan kimia yang tidak konvensional berasaskan biopolimer dan biojisim serta bahan kimia konvensional, sebagai sebahagian daripada program transformasi bioekononomi Malaysia.

Taman Biopolimer Kertih (KBP) kini bersedia untuk memainkan peranan utamanya dalam meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara penting dalam industri bioteknologi global.

KBP telah menarik pelabur ke Kompleks Penapisan terbesar di Asia, yang dipromosikan bersama oleh Kerajaan Negeri Terengganu, Malaysian Biotechnology Corporation dan ECERDC. Kompleks Penapisan ini adalah mercu tanda utama kerana ia merupakan yang pertama di negara ini yang menggunakan bahan mentah selulosa untuk menghasilkan bioderivatif seperti karbohidrat, biokimia, biobahan, bio baja dan bahan makanan aktif.

KBP dijangka menarik pelaburan berjumlah RM4.2 bilion menjelang tahun 2020 yang akan menjana lebih 3,200 peluang pekerjaan bagi penduduk setempat. Hingga kini, KBP telah berjaya menarik syarikat-syarikat terkemuka dalam industri tersebut seperti CheilJedang Corporation (CJ) dari Korea dan Arkema S.A. dari Perancis yang telah melabur sebanyak RM2 bilion untuk membina loji biometionina dan tiokimia bersepadu pertama dunia di taman perindustrian tersebut yang dijangka akan siap pada tahun 2014.

Pelabur tempatan, NSE Resources Corporation (M) Sdn. Bhd., juga membina loji stim dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyokong keperluan kompleks penapisan bio di KBP.

ECERDC turut menggalakkan penyertaan Syarikat Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan dalam pembangunan KBP. Sebuah Kompleks Perniagaan Usahawan sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 2014 untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat.

Satu lagi projek utama dalam kluster Minyak, Gas & Petrokimia ini adalah Taman Bio Bersepadu Kuantan (KIBP) yang bertujuan menggalakkan industri bioteknologi dengan memanfaatkan bekalan tenaga biojisim berasaskan sawit yang banyak di Wilayah ini. KIBP dijangka mewujudkan 8,300 peluang pekerjaan menjelang 2020, dengan aktiviti-aktiviti sampingan yang menjana 23,000 pekerjaan lain. Ianya juga dijangka mewujudkan 210 PKS dan menjana jumlah Pendapatan Negara Kasar sebanyak RM2.28 bilion.

**Pembangunan Industri Sokongan di Kemaman**

Aktiviti dalam kluster Minyak, Gas & Petrokimia dijangka meningkat dalam tempoh 10 tahun akan datang hasil daripada Projek Permulaan yang dijalankan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu Minyak, Gas dan Tenaga. Ini menyaksikan pelbagai aktiviti yang akan memberi peluang kepada industri sokongan seperti fabrikasi tambahan dan pembaikan bot untuk dibangunkan memandangkan ianya berdekatan dengan kemudahan aktiviti huluan dan hiliran di Semenanjung Malaysia.

## PELANCONGAN

**Memacu Pertumbuhan, Peluang Perniagaan & Pekerjaan**

Pelancongan merupakan sumber pendapatan penting bagi ECER yang membawa hasil pelancongan, pelaburan dan menyediakan pekerjaan.

*Pesisiran pantai Dungun*



Pelancongan menyaksikan pelaksanaan beberapa projek merentasi tiga tema:

1. Pelancongan Warisan & Budaya
2. Pelancongan Bandar & Pesisiran Pantai
3. Pelancongan Alam Sekitar & Ekopelancongan

**Membangunkan Semula Warisan dan Budaya**

Warisan budaya ECER adalah unik. Negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang memiliki tempat bersejarah yang mempunyai daya tarikan zaman silam. Program transformasi ECER bertujuan membangunkan industri hospitaliti dengan mengembangkan perniagaan, meningkatkan peluang untuk menjana pendapatan dan memperluaskan peluang pekerjaan.

Satu projek warisan budaya yang sedang dijalankan ialah memulihara bangunan bersejarah di bawah Projek Pelancongan Warisan Pekan. Projek ini merangkumi penambahbaikan bangunan-bangunan bersejarah seperti Masjid Sultan Abdullah, Muzium Sultan Abu Bakar dan pesisiran pantai di Bandar Diraja ini.

Rancangan untuk mengubah suai dan membaik pulih satu lagi mercu tanda bersejarah iaitu Masjid Sultan Abdullah, kepada Muzium Islam dan juga masjid dijadualkan siap pada 2014.

**Meningkatkan Kepelbagaian "Liveable City"**

Pusat-pusat bandar akan mendapat suntikan tenaga baharu apabila ia menjadi bandar yang berdaya maju pada tahun 2020, dengan tujuan menjadikannya tarikan pelancongan untuk rakyat Malaysia dan pengunjung lain. Tiga pusat bandar seperti - Kota Bharu di Kelantan, Kuala Terengganu di Terengganu dan Kuantan di Pahang - telah dikenal pasti untuk dijadikan bandar-bandar moden yang dinamik.

Pembangunan Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) yang menggabungkan keunikan kebudayaan

*Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan*





*Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC)*

dan warisan Terengganu dijangka bakal meletakkan bandar tersebut sebagai Gerbang Pelancongan Pantai Timur. KTCC bukan hanya akan melonjakkan potensi pelancongan bandar tersebut, malah akan turut mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan baharu bagi penduduk tempatan.

Muara Utara dan Muara Selatan, dua tanah ditebus guna yang terletak berhampiran muara Sungai Terengganu adalah merupakan komponen utama KTCC yang digambarkan sebagai kawasan pembinaan pusat perniagaan tambahan yang moden di bandar ini. Pembinaan Muara Selatan telah disiapkan pada November 2013 dan Muara Utara dijangka bermula pada tahun 2014. Muara Utara akan merangkumi projek kediaman, komersial, hiburan, komponen runcit dan juga sebuah resort bertema dan kemudahan konvensyen manakala Muara Selatan terdiri daripada pusat beli-belah dengan kira-kira satu juta kaki persegi ruang runcit, hotel 250 bilik dan dua menara yang mengandungi 520 suite perniagaan.

Pembangunan KTCC juga akan menyaksikan pembinaan *drawbridge* pertama di Asia Tenggara yang akan menghubungkan Muara Utara dan Muara Selatan. Reka bentuk terperinci *drawbridge* telah siap pada pertengahan tahun 2013. Pembinaan dijangka bermula pada tahun 2014.

Kerja di sepanjang 7.7 km projek pembaharuan semula Kuantan Waterfront iaitu satu komponen penting dalam transformasi kawasan *Greater* Kuantan yang telah dikenal pasti oleh Makmal Koridor dan Bandar, kini berjalan dengan lancar. Kuantan Promenade, yang merupakan sebahagian daripada projek pembaharuan semula itu, telah siap dan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan sementara kerja-kerja di laluan pelantar paya bakau *(mangrove boardwalk)* kini sedang dijalankan dan dijadualkan siap pada 2014.



*Taman Negara Endau-Rompin*

## Memperkenalkan Ekopelancongan Alam Sekitar

Satu perbadanan taman negara akan ditubuhkan di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, di mana terletaknya Taman Negara. Perbadanan tersebut yang dinamakan Perbadanan Taman Negara Kelantan, Perbadanan Taman Negara Terengganu dan Perbadanan Taman Negara Pahang, akan memastikan pengurusan taman negara adalah lebih cekap dan berkesan. Perbadanan taman negara bagi negeri-negeri yang berkenaan juga akan menyelia Taman Negeri yang lain di bawah bidang kuasanya.

Kajian Pelan Pelaksanaan Strategik (SIP) bagi Taman Negara yang akan mengesyorkan strategi dan pelan-pelan tindakan untuk membolehkan Taman Negara diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia menjelang tahun 2020 dijangka siap pada tahun 2014.



*Jambatan gantung di Taman Negara Endau-Rompin*

Taman Negara Endau-Rompin akan dijadikan sebagai sebuah destinasi ekopelancongan hutan hujan bertaraf dunia dan untuk tujuan tersebut, satu




*Makmal Kajian Air Tawar Tasik Chini*

kajian bagi mengesyorkan sebuah Pelan Rangka Kerja Alam Sekitar, Pelan Induk Pelancongan dan pelan-pelan tindakan bagi pengurusan mampan warisan semula jadi dan kebudayaan taman tersebut telah pun siap.

Kajian berkenaan mencadangkan, antara lain, pembinaan sebuah penginapan ekopelancongan yang mewah di Sungai Batang, sebuah pusat peranginan komuniti di Lemakoh dan pusat penerokaan hutan hujan di Selai. Cadangan-cadangan tersebut kini sedang dinilai dan projek tersebut dijangka akan bermula pada tahun 2014.

Sementara itu, ECERDC telah membangunkan pelan pengurusan alam sekitar menyeluruh untuk melindungi dan memulihara biosfera Tasik Chini dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Masyarakat Orang Asli setempat juga terlibat secara aktif membantu memulihara warisan unik ini dan meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Sebagai sebahagian daripada pelan pengurusan alam sekitar ini yang memastikan kemampanan jangka panjang Tasik Chini, ECERDC telah membina sebuah kompleks ekologi berimpak rendah *(low ecological impact complex)* yang menempatkan makmal kajian air tawar. Ia juga menempatkan sebuah bangunan pentadbiran dan pusat keselamatan. Pembinaan bangunan makmal kajian air tawar, yang bermula pada tahun 2011, siap pada Mei 2013 dan akan diserahkan kepada UKM untuk diuruskan.

## PERTANIAN

### Mengolah Semula Ekonomi Luar Bandar

Kluster Pertanian ECER merupakan salah satu penggerak utama pembangunan sosioekonomi ECER yang menyediakan peluang keusahawanan kepada masyarakat luar bandar dan petani. Inisiatif ECER bertujuan untuk menukar sektor pertanian berskala kecil



*Peserta Agropolitan di hadapan rumah mereka*

menjadi industri pertanian berskala besar yang moden dan menggunakan jentera. Pertanian juga digunakan sebagai platform di projek Agropolitan ECERDC untuk membasmi kemiskinan dan mentransformasi kehidupan rakyat yang miskin.

## AGROPOLITAN

### Peluang Untuk Meningkatkan Pendapatan

Setakat ini, ECERDC telah melaksanakan projek-projek Agropolitan di Pahang, Terengganu dan Kelantan yang telah memberi manfaat kepada 840 keluarga di ketiga-tiga negeri. Secara purata, para peserta kini memperoleh pendapatan bulanan kira-kira RM1,100 sebulan berbanding RM350 sebelum menyertai projek.

Projek Agropolitan Kelantan Selatan (SKA) sedang dilaksanakan oleh ECERDC di Gua Musang dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dengan perladangan kelapa sawit sebagai aktiviti ekonomi utama untuk pesertanya. Pada tahun 2013, seramai 315 keluarga telah dipindahkan ke rumah baharu yang dibina oleh ECERDC di tapak projek SKA. Selain itu, 1,490 hektar tanah telah dibangunkan dan ditanam dengan kelapa sawit pada tahun tersebut. Untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka, para peserta juga terlibat dalam penanaman koko dan pisang sebagai aktiviti ekonomi sekunder.

Projek Agropolitan Besut-Setiu, yang dilaksanakan di Terengganu melalui kerjasama ECERDC dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), melibatkan penternakan biri-biri Dorper sebagai aktiviti ekonomi utama. Seramai 100 keluarga kini terlibat dalam projek ini, dan mereka kini tinggal di rumah-rumah moden yang dibina oleh ECERDC yang dilengkapi dengan kemudahan seperti dewan pelbagai guna, surau, tadika dan kedai. ECERDC telah membina 52 unit pengeluaran haiwan



*Peserta Agropolitan sedang bekerja di ladang kelapa sawit*



*Peserta Agropolitan di Unit Pengeluaran Haiwan (APU)*

untuk biri-biri Dorper, manakala 104 hektar tanah telah ditanam dengan rumput Napier, sebagai sumber makanan kepada 4,680 ekor biri-biri.

Projek Agropolitan Pekan di Pahang sedang dilaksanakan dengan kerjasama FELDA di Batu 8 Lepar, Runchang dan Tanjung Batu. Seramai 415 keluarga kini terlibat dalam Agropolitan Pekan, terdiri daripada 102 peserta Orang Asli di Runchang, 100 keluarga di Batu 8 dan 213 keluarga di Tanjung Batu. Aktiviti ekonomi utama bagi peserta Agropolitan Pekan di Runchang dan Batu 8 ialah penternakan biri-biri Dorper, manakala perladangan kelapa sawit pula adalah aktiviti ekonomi yang utama di Tanjung Batu.

Sejak 2010 ECERDC juga telah mempelopori satu lagi program transformasi luar bandar yang melibatkan pelaksanaan 448 projek strategik, infrastruktur dan sosioekonomi bernilai RM200 juta di kawasan-kawasan yang sebelum ini ditadbir oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ). Projek-projek pembangunan strategik dan mikro ini telah mengubah landskap fizikal dan sosial di daerah Jerantut, Maran, Pekan, Rompin, Bera dan Temerloh.

**Penskalaan Ternakan Melalui Syarikat Induk**

Pembangunan industri ternakan ECER tertumpu kepada inovasi dan penggunaan teknologi moden serta pengeluaran berskala komersial melalui Syarikat Induk.

Pada tahun yang dilaporkan, kerja-kerja pembinaan Pusat Inovasi dan Pembiakan Kuala Berang di Terengganu telah siap. ECERDC kini sedang dalam proses melantik syarikat induk untuk menguruskan ladang-ladang pengganda dan pembiakan secara komersial. Pusat itu yang terletak di kawasan seluas 160 hektar, akan menghasilkan baka biri-biri Dorper yang bernilai dan sangat sesuai



*Peserta* ***empower*** **ECER**



*Suri@Home*

untuk keadaan tempatan. Pengeluaran tahunan dianggarkan lebih daripada 4,200 ekor biri-biri jantan dan betina yang dipertingkatkan genetiknya.

Pusat Penyelidikan & Inovasi Lembu Muadzam Shah (MSCRIC) dibangunkan di Pahang bertujuan untuk memudahkan penyelidikan gunaan secara komersial dan merapatkan jurang dalam teknologi pembiakbakaan dan pengurusan ladang. Kerja-kerja pembinaan bagi Fasa 3 MSCRIC akan siap pada bulan Januari 2014 dan pusat itu dijangka memulakan operasi pada bulan Mei 2014. Sebanyak 210 hektar tanah telah diperuntukkan untuk menghasilkan 12,300 tan rumput Napier dan 1,000 tan rumput Guinea setahun sebagai makanan kepada 1,000 ekor lembu tenusu.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### Pertumbuhan dengan Ekuiti Jangka Panjang

Pembangunan Modal Insan adalah elemen penting dalam mentransformasikan ECER menjadi satu wilayah maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk mencapai matlamat ini, ECERDC telah merumuskan pelbagai pendekatan untuk memupuk tenaga kerja dan komuniti keusahawanan yang lebih dinamik dengan matlamat utama mengekalkan kejayaan projek-projek dan program-program ECER. Program Pembangunan Modal Insan ECERDC seperti ***empower*** **ECER**, Program Pembangunan Keusahawanan ECER (EEDP), Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP), Program Suri@Home dan TERAJU@ECER dibangunkan berdasarkan pertumbuhan, keterangkuman dan kemampanan.



*Program Pembangunan Modal Insan* ***empower*** **ECER** *Cameron Highlands*

***empower*** **ECER** mengambil pendekatan pembangunan komuniti luar bandar dengan mendekati pelajar, orang dewasa yang bekerja, penganggur, ibu/bapa tunggal dan belia yang berpotensi dan menjadikan mereka elemen penting dalam transformasi ECER. Setakat ini, ***empower*** **ECER** telah memanfaatkan 22,216 penduduk yang terdiri daripada 13,491 pelajar dan 8,725 orang dewasa dari semua peringkat masyarakat setempat. Program ini telah menghasilkan kelulusan 100 peratus dalam pencapaian akademik pelajar manakala para usahawan pula menyaksikan peningkatan ketara dalam pendapatan bulanan mereka.

EEDP bertujuan untuk meningkatkan penglibatan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dan PKS dalam projek-projek ECER. EEDP menyediakan bantuan pembangunan kemahiran kepada usahawan melalui kerjasama ECERDC dengan SIRIM, serta bantuan kewangan melalui mekanisme kadar faedah *topping-up* melalui perkongsian ECERDC dengan Agrobank.

Sehingga kini, 28 orang peserta telah mendapat manfaat daripada program EEDP-SIRIM, manakala 742 usahawan telah mendapat manfaat daripada kerjasama EEDP-Agrobank sejak dilancarkan pada tahun 2012.

Suri@Home ialah satu inisiatif pembangunan sosioekonomi ECERDC yang bertujuan untuk memperkasakan wanita ECER dengan menyediakan mereka dengan kemahiran yang boleh dipasarkan dan perniagaan mereka boleh diusahakan dari rumah. Seramai 28 orang usahawan wanita telah mendapat manfaat sejak program itu dimulakan pada tahun 2009. Suri@Home telah menyaksikan pelaksanaan projek *vermi - compost* di Bachok, Kelantan, tenun Pahang di Kuantan dan Pekan, Pahang dan tenun songket di Kuala Terengganu, Terengganu.




*Graduan Kejuruteraan yang mengikuti latihan sambil kerja di bawah inisiatif NTEP*

Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP), yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi Negara, bertujuan untuk membangunkan bakat kejuruteraan bagi industri-industri utama negara. Dalam tahun yang dilaporkan, seramai 64 graduan kejuruteraan ditempatkan di Kaneka (M) Sdn. Bhd., untuk mengikuti latihan sambil kerja (on-the-job-training) di bawah inisiatif NTEP. Kaneka merupakan salah satu pelabur utama dalam ECER. Para graduan kejuruteraan dijadualkan akan menamatkan latihan mereka pada April 2014. Seratus lagi graduan kejuruteraan yang mewakili kumpulan pertama peserta NTEP di ECER telah menamatkan latihan mereka di HICOM Automotive Manufacturing (M) Sdn. Bhd. dan kini telah bekerja dengan DRB-HICOM.

## INFRASTRUKTUR

### Meningkatkan Akses Pasaran & Kualiti Hidup

Salah satu daripada projek infrastruktur strategik yang utama di ECER dalam tahun 2013 ialah projek Peluasan Pelabuhan Kuantan yang dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 7 September 2013. Peluasan Pelabuhan Kuantan untuk menjadi sebuah pelabuhan laut dalam menandakan satu lagi peristiwa penting dalam pembangunan dan transformasi ECER sebagai gerbang pelaburan ASEAN, Asia Timur dan Asia Pasifik.

Pembinaan pemecah ombak di Pelabuhan Kuantan bermula pada bulan April 2013 dan dijadualkan siap pada tahun 2015. Sementara itu, pembinaan dermaga, kemudahan pelabuhan, pengorekan dan kerja-kerja penambakan


*Pelabuhan Kuantan*


*Loji Rawatan Air Panching*

yang dijalankan oleh Kuantan Port Consortium (KPC) akan bermula pada suku ketiga 2014 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Peluasan Pelabuhan Kuantan akan meletakkan ECER sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan utama dengan menjadikan Malaysia sebagai salah satu daripada negara-negara perdagangan yang utama di dunia. Peluasan Pelabuhan Kuantan juga akan menggalakkan pertumbuhan Bandar Pelabuhan Kuantan yang dijangka menjadi pemangkin pertumbuhan untuk Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SEZ).

Beberapa loji rawatan air sedang dibina bagi menampung keperluan ini yang semakin meningkat di kawasan-kawasan perindustrian ECER SEZ. Loji Rawatan Air Panching yang mempunyai kapasiti untuk membekalkan 160 juta liter air sehari ke Kawasan Perindustrian Gebeng, Pelabuhan Kuantan dan kawasan sekitarnya, telah siap dibina pada suku ketiga 2013 dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Loji Rawatan Air Wakaf Bunut, komponen utama Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, mula beroperasi pada bulan Februari 2013. Loji tersebut mempunyai kapasiti untuk merawat 25 juta liter air setiap hari. Loji Rawatan Air Ganchong, yang akan membekalkan 160 juta liter sehari ke Daerah Pekan, termasuk Taman Automotif Pekan, dijangka dimulakan pembinaannya pada suku pertama 2014.

Sementara itu, pembinaan Pakej Utara jalan dari Sungai Emas ke Kompleks Taman Negara Endau-Rompin telah disiapkan pada Julai 2013. Pakej Selatan, yang terdiri daripada jalan raya 29.6 km dari Kahang ke Sungai Emas, sedang menjalani proses pengambilan tanah. Pembinaan jalan ini dijangka akan bermula pada tahun 2015. Projek ini akan meningkatkan potensi pelancongan di Taman Negara Endau-Rompin, dan pada masa yang sama meningkatkan akses di kawasan ini untuk manfaat penduduk tempatan dan pelancong.



*Jambatan Bukit Kuang*

Reka bentuk terperinci untuk menaik taraf Jalan Penghubung KPC Port, yang menghubungkan Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP) ke Pelabuhan Kuantan dan Pantai Timur, kini di peringkat akhir dan dijangka akan siap pada tahun 2014 sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mewujudkan kecekapan logistik dan untuk menyokong Pelabuhan Kuantan dan MCKIP.

Projek Jambatan Bukit Kuang, yang merupakan elemen penting dalam pembangunan ECER SEZ, dijangka siap pada bulan Ogos 2014. Ia melibatkan pembinaan jambatan dua laluan sepanjang 970 meter dan jalan sejauh 3.07 km di kedua-dua hujung jambatan. Jambatan setinggi 15 meter ini akan membolehkan laluan sungai di Sungai Chukai digunakan oleh bot-bot dan kapal-kapal menangkap ikan serta meningkatkan pergerakan barangan dan penduduk seterusnya membawa kepada pembangunan ekonomi kawasan pendalaman.

Sementara itu, penambahbaikan Central Spine Road sejauh 390 km yang menghubungkan Kuala Krai ke Simpang Pelangai sedang dijalankan. Apabila siap kelak, *Central Spine Road* akan meningkatkan akses dan hubungan kawasan pedalaman di Kelantan dan Pahang ke seluruh negara dan memberi kesan positif kepada pertumbuhan sosioekonomi kawasan pedalaman tersebut.

## PELABURAN

### Membawa Projek ke Pantai Timur

Tahun 2013 merupakan tahun yang luar biasa untuk ECER kerana berjaya menarik pelaburan berjumlah RM28.5 bilion yang telah mewujudkan 24,500 peluang pekerjaan kepada rakyat. Pelaburan yang dibawa masuk ke ECER pada tahun 2013 terdiri daripada RM11.84 bilion pelaburan yang diluluskan dan RM16.62 bilion pelaburan komited. Kedua-dua angka melebihi sasaran ECER pada tahun 2013




*Pelabur di bawah program* TERAJU@ECER

sebanyak RM8 bilion untuk pelaburan yang diluluskan dan RM15 bilion bagi pelaburan yang komited.

Dari segi kluster, kluster Pembuatan menerima pelaburan komited tertinggi bernilai RM34.1 bilion (61.1%), diikuti Pelancongan sebanyak RM9.9 bilion (17.7%), Logistik RM4.3 bilion (7.7%), Infrastruktur RM3 bilion (5.4%), Minyak & Gas RM1.6 bilion (2.9%), Hartanah RM1.3 bilion (2.3%), Pendidikan RM1 bilion (1.8%) dan Pertanian RM600 juta (1.1%).

Meskipun persekitaran ekonomi global agak perlahan, pertumbuhan sihat ECER dalam pelaburan adalah tanda keyakinan terhadap program transformasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kami percaya model pembangunan ECERDC yang menyediakan infrastruktur yang moden, membangunkan modal insan dan membawa industri yang sesuai untuk ECER, memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menjadikan Wilayah ini destinasi pelaburan yang menarik dan meningkatkan kualiti hidup penduduk tempatan.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Walaupun kami gembira dengan pencapaian ECERDC dalam tempoh lima tahun lalu, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai wawasan ECER untuk menjadi Wilayah maju menjelang 2020. Projek-projek yang diluluskan di bawah RMKe-10 sedang dilaksanakan dan pakej baru telah dirancang untuk dimulakan pada suku kedua tahun 2014.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi 2014 terdiri daripada enam Objektif Peringkat Tinggi (HLO) yang menyasarkan pelaburan swasta, projek-projek pembangunan, pembangunan modal insan, Agenda Pemerkasaan Bumiputera, strategi dan perancangan korporat, kecekapan operasi dan kesediaan organisasi telah diluluskan oleh Majlis ECERDC pada bulan Disember 2013. HLO ini kemudiannya dipecahkan kepada 31 KPI untuk memastikan prestasi ECERDC yang berterusan. Kami juga telah memulakan




*Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-5 ECER*

persediaan untuk projek dan program RMKe-11.Untuk tujuan ini ECERDC bekerjasama rapat dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan semua kementerian dan agensi utama untuk menggubal pelaksanaan pelan ECER.

## PENGHARGAAN

Pencapaian lima tahun ECER adalah sangat mengagumkan dan saya sangat terhutang budi kepada Perdana Menteri yang juga merupakan Pengerusi ECERDC, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak di atas sokongan yang tidak berbelah bagi, kepemimpinan dan panduan yang tanpa semua itu, kami tidak mungkin mampu merasai kejayaan yang telah dicapai.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Menteri Besar Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor atas nasihat dan panduan yang diberikan bagi mempermudahkan pelaksanaan pelbagai projek ECER di negeri masing-masing.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Anggota Majlis akan pandangan, panduan dan nasihat mereka.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Perdana Menteri,



*Mesyuarat Majlis ECERDC di Putrajaya*

Unit Perancang Ekonomi, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Kerjasama Awam Swasta, Kementerian Kewangan serta pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang memberikan sokongan berterusan kepada ECERDC untuk meneruskan projek-projek kami seperti yang dirancang sehingga mencapai sasaran.

Kejayaan ECERDC pada hari ini mungkin tidak akan dicapai tanpa keazaman, komitmen dan profesionalisme setiap warga kerja ECERDC. Usaha mereka yang berterusan dan sikap tidak mementingkan diri sendiri serta sumbangan mereka harus dipuji. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas ketekunan mereka yang telah membawa ECER ke tahap sekarang.

Visi ECERDC ialah untuk menerajui pembangunan mampan di ECER dan ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan berterusan daripada rakyat. Kepada rakyat di ECER, terima kasih kerana menyertai kami dalam “Hari Terbuka ECER Bersama Rakyat” di Pahang, Terengganu dan Kelantan untuk menyaksikan lima tahun penglibatan anda dalam memacu transformasi ECER.



**Dato’ Jebasingam Issace John**
Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC

MAJLIS
PEMBANGUNAN
ECER

# MENGENAI ECERDC

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 (Akta 688) yang bertindak sebagai agensi pelaksana untuk projek-projek dan program pembangunan utama yang telah dikenalpasti di ECER. ECERDC juga bertanggungjawab bagi mengendalikan penyelarasan antara entiti-entiti Kerajaan dalam mempromosikan perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pembangunan di ECER.

## VISI ECERDC

**Untuk menerajui pembangunan mampan ECER**

## MISI ECERDC

**Kami komited dalam memacu pertumbuhan ekonomi Wilayah**

**Kami adalah pemangkin bagi projek-projek strategik dan berimpak tinggi**

**Kami melaksanakan program dan projek yang bermanfaat kepada rakyat secara langsung**

**Kami akan memulihara alam sekitar dan memelihara budaya**

# MENINGGIKAN TARAF KEHIDUPAN RAKYAT DI ECER




# NILAI-NILAI BERSAMA ECERDC




**Bersatu**
- Bersatu dalam tujuan dan persaudaraan. Kami berdiri, berfikir dan bertindak sebagai satu pasukan.
- Menyokong keeratan dan keputusan pasukan. Tidak membiarkan orang lain gagal.

**Setia**
- Setia dan komited terhadap Visi dan Misi ECERDC

**Berintegriti**
- Jujur dan teguh berdiri
- Menampilkan tahap prestasi, kejujuran dan sifat saling hormat-menghormati yang tinggi

**Profesional**
- Komited, inovatif dan proaktif, sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan
- Mengamalkan tahap profesionalisme yang tinggi, etika kerja dan tatacara yang sewajarnya dalam tindakan

# Struktur Organisasi



## ECER:
## Memacu Transformasi, Memajukan Rakyat



Tahun 2013 menyaksikan ECER menyambut ulang tahun yang kelima penubuhannya, di mana dalam tempoh tersebut ia berjaya memperkasakan status sosioekonomi rakyat melalui lima kelompok ekonomi utama, iaitu Pembuatan, Minyak, Gas & Petrokimia, Pelancongan, Pertanian dan Pembangunan Modal Insan. Antara yang mendapat manfaat termasuk juga golongan miskin, kaum wanita, golongan belia dan komuniti Orang Asli.



*Peserta Akademik **empower** ECER*

Berikut ialah pencapaian yang telah direkodkan sepanjang lima tahun penubuhan:

## Pencapaian Utama ECER

Peluang pekerjaan | Pelaburan Swasta

## 2007

**Pelancaran Pelan Induk ECER**
- Kuala Terengganu, Terengganu - 29 Oktober 2007
- Kota Bharu, Kelantan - 29 Oktober 2007
- Kuantan, Pahang - 30 Oktober 2007

## 2008

**Penubuhan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)**
- 14 Jun 2008



**Mesyuarat Pertama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)**
- 14 Jun 2008



**Pelancaran Pusat-Pusat Kecemerlangan (COE), Kuala Terengganu**
- 14 Jun 2008



**Pelancaran Kelompok Industri Plastik Kertih Terengganu (kini dikenali sebagai Taman Biopolimer Kertih)**
- 2 Disember 2008






3,200 pekerjaan

RM4.2 bilion menjelang 2020

Peluang pekerjaan

Pelaburan Swasta

# 2009

**Pembukaan Rasmi Pejabat ECERDC Negeri & Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pelaksanaan & Penyelarasan Negeri**

- 23 Februari 2009 di Kuantan, Pahang
- 3 Mei 2009 di Kuala Terengganu, Terengganu
- 18 Mei 2009 di Kota Bharu, Kelantan



**Perasmian Zon Ekonomi Khas ECER & 6 Kawasan Pembangunan Utama ECER**

- 4 Ogos 2009



**Perasmian Projek Agropolitan Runchang, Pekan, Pahang**

- 4 Ogos 2009



**Pelancaran Program SINAR ECER**

- 4 Ogos 2009
- Peserta dari Agropolitan Pekan & Agropolitan Kelantan Selatan

# 2010

**Projek Pemuliharaan Tasik Chini**

- 'Rizab Biosfera' pertama di Malaysia yang bakal diwartakan sebagai Taman Negeri
- Pembinaan Stesen Pemantauan Kualiti Air bermula



**Majlis Perasmian Program *empower* ECER di Bentong, Pahang**

- 31 Julai 2010

30% peningkatan pendapatan & 100% lulus bagi pencapaian akademik



**Perpindahan Peserta Agropolitan Batu 8, Mukim Lepar, Pekan, Pahang**

- 25 September 2010

Peluang pekerjaan | Pelaburan Swasta

# 2011

### Majlis Perasmian Kompleks Pemasaran Setempat Taman Automotif, Pekan, Pahang
• 9 April 2011

28,338 pekerjaan | RM5.2 bilion menjelang 2020




### Majlis Penyempurnaan Fasa 1 *empower* ECER Bentong & Perasmian Fasa 2 *empower* ECER di Pahang
• 16 April 2011

100% lulus UPSR, PMR, SPM




### Majlis Perasmian *empower* ECER Jeli Fasa 2, Kelantan
• 3 Julai 2011



### Makmal Koridor & Bandaraya ECER 18 Projek Permulaan ECER dikenalpasti
• 29 September – 8 November 2011



### Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Projek Pusat Bandar Kuala Terengganu, Terengganu - Muara Selatan
• 20 Oktober 2011



### Majlis Pelancaran *empower* ECER, Kemaman, Terengganu
• 3 November 2011



### Hari Pembekal Volkswagen di Taman Automotif, Pekan, Pahang
• 24 November 2011




### Kerja-kerja Pembinaan Loji Rawatan Air Wakaf Bunut, Tok Bali, Kelantan bermula
• November 2011

### Majlis Pecah Tanah Kilang Keluli Bersepadu Eastern Steel di Taman Industri Berat Kemaman, Terengganu
• 5 Disember 2011

2,000 pekerjaan | RM1.8 bilion (Fasa 1)



# Pencapaian Utama ECER

Peluang pekerjaan | Pelaburan Swasta

## 2012

**Mesyuarat Majlis & Majlis Pertukaran Dokumen Komitmen Pelaburan di ECER**

- 28 Februari 2012




**Pelancaran Program Juara *empower* ECER Kemaman, Terengganu**

- 29 Mac 2012



**Majlis Menandatangani Perjanjian di antara Kertih, Kerajaan Negeri Terengganu, ECERDC dan Malaysian Biotechnology Corporation**

- 13 Jun 2012



**Pelancaran *empower* ECER Mahkota, Kuala Pahang**

- 18 Julai 2012



**Majlis Pecah Tanah Loji Bio-Metionina CJ & Platform Arkema Tiokimia di Taman Biopolimer Kertih**

- 6 Oktober 2012




774 pekerjaan | RM1.96 bilion

**Pelancaran Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan yang telah diubahsuai**

- 21 Oktober 2012



**Mesyuarat Majlis & Pengumuman Komitmen Pelaburan**

- 31 Julai 2012
- 14 Disember 2012



| Pelaburan 2012 | Pekerjaan 2012 |
|---|---|
| RM37 bil | 30,000 |

## Pencapaian Utama ECER

Peluang pekerjaan | Pelaburan Swasta

# 2013

### Majlis Perasmian Taman Industri Malaysia - China Kuantan

• 5 Februari 2013



5,500 pekerjaan | RM7.5 bilion menjelang 2020

### Kerja-kerja Pembinaan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan Dan Pembungkusan (CPPC) Pengkalan Kubor & Loji Rawatan Air Wakaf Bunut Tok Bali, Kelantan siap

• 17 Februari 2013





### Majlis Perasmian Pecah Tanah KTCC Mall, Kuala Terengganu

• 14 Mac 2013




5,000 pekerjaan | RM1 bilion

### Kerja-kerja Pembinaan Taman Industri Halal Pasir Mas dan Gambang siap

• 30 Jun 2013



### Kerja-kerja Pembinaan Kompleks Terminal Pengangkutan Bersepadu Jengka Sentral siap

• 31 Julai 2013



### Kerja-kerja Menaik Taraf Jalan dari Kg. Kahang ke Kg. Peta, Mersing, Johor

• **100% siap** Julai 2013



### Loji Rawatan Air Panching disiapkan & diserah kepada Kerajaan Negeri Pahang

• 7 September 2013



Peluang pekerjaan | Pelaburan Swasta

# 2013

**Majlis Pelancaran Projek Peluasan Pelabuhan Kuantan**

• 7 September 2013



**Majlis Makan Malam Ulangtahun ke-5 ECER**

• 7 September 2013



**Hari Terbuka ECER Peringkat Negeri Pahang**

• 8 September 2013



**Hari Terbuka ECER Peringkat Negeri Kelantan**

• 26 Oktober 2013



**Hari Terbuka ECER Peringkat Negeri Terengganu**

• 9 November 2013



**Majlis Perasmian Agropolitan Besut-Setiu oleh DYMM Sultan Terengganu**

• 29 September 2013



100 pekerjaan/ peserta

RM1,000/ sebulan

**Mesyuarat Majlis dan Pengumuman Komitmen Pelaburan**

• 16 Julai 2013
• 16 Disember 2013




| Pelaburan 2013 | Pekerjaan 2013 |
|---|---|
| RM55.8 bil | 55,000 |

Projek dan program di Wilayah ini yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat melalui ECERDC telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP) yang bermatlamat mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi di Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan ke-10, sejumlah 111 buah projek bernilai RM6.6 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan di ECER. Projek tersebut termasuklah projek strategik utama yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang kondusif untuk para pelabur, dan juga program pembangunan sosial yang bertujuan untuk meningkatkan status sosioekonomi penduduk ECER.

Strategi pembangunan ECER adalah berteraskan kepada pelaksanaan projek, penarikan pelaburan dan pembangunan modal insan.



## Projek Permulaan ECER Koridor dan Bandaraya (EPP)

**JUMLAH PELABURAN SEHINGGA 2013**

# 55%

**1** Pelancongan Bandar dan Pesisir Pantai
GNI: RM1,974 juta
Pekerjaan: 33,528
Pelaburan Swasta: 94%

**2** Pelancongan Kepulauan
GNI: RM156 juta
Pekerjaan: 989
Pelaburan Swasta: 95%

**3** Ekopelancongan
GNI: RM349 juta
Pekerjaan: 2,056
Pelaburan Swasta: 91%

**4** Industri Automotif
GNI: RM1,340 juta
Pekerjaan: 28,338
Pelaburan Swasta: 94%

**5** Minyak Sawit Hiliran
GNI: RM2,279 juta
Pekerjaan: 8,259
Pelaburan Swasta: 88%

**6** Hab Halal
GNI: RM1,142 juta
Pekerjaan: 12,881
Pelaburan Swasta: 89%




**7** Akuakultur
GNI: RM1,030 juta
Pekerjaan: 4,516
Pelaburan Swasta: 94%

**8** Lembu Tenusu
GNI: RM667 juta
Pekerjaan: 1,026
Pelaburan Swasta: 86%

**9** Kambing dan Biri-biri
GNI: RM816 juta
Pekerjaan: 3,727
Pelaburan Swasta: 83%

**10** Cassava
GNI: RM427 juta
Pekerjaan: 4,200
Pelaburan Swasta: 95%

**11** Polimer
GNI: RM1,600 juta
Pekerjaan: 3,229
Pelaburan Swasta: 97%

**12** Perkhidmatan Berasaskan Bekalan
GNI: RM2,700 juta
Pekerjaan: 14,010
Pelaburan Swasta: 95%

**13** Peluasan Pelabuhan Kuantan
GNI: RM3,800 juta
Pekerjaan: 8,638
Pelaburan Swasta: 75%

**14** Jalanraya dan Rel
Pelaburan Swasta:
RM138 juta




**1 KUANTAN WATERFRONT**
Pelaburan Awam: RM237 juta
Pelaburan Swasta: 90%

**2 RAPID KUANTAN**
Pelaburan Awam: RM56 juta

**3 TEBATAN BANJIR**
Pelaburan Awam: RM653 juta

**4 PENGURUSAN PEMBETUNGAN**
Pelaburan Awam: RM926 juta

**Strategi Untuk Meneruskan Transformasi**

Untuk meneruskan keberkesanan pelaksanaan projek-projek dan program-program di ECER, pihak ECERDC telah merangka Kerangka Strategik Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk memantau pencapaian matlamat dan hasil pelaksanaan projek-projek dan program-program. Antara KPI yang diberi penekanan adalah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dan Golongan Wanita.

Kerangka Strategik Petunjuk Prestasi Utama (KPI)



Prestasi tahun 2013

| Objektif Peringkat Tertinggi | Petunjuk Prestasi Utama | Pencapaian |
|---|---|---|
| **Peningkatan Pelaburan Swasta di ECER** | 1) Pelaburan komited | RM16.6 bilion |
| | 2) Pelaburan diluluskan | RM11.8 bilion |
| **Pertumbuhan Sosioekonomi Rakyat ECER** | 3) Bilangan peserta miskin Agropolitan yang aktif dalam program Agropolitan | 800 |
| | 4) Purata peningkatan pendapatan bulanan peserta Agropolitan | 8% |
| **Peluang Pekerjaan** | 5) Bilangan peluang pekerjaan yang dijanakan | 10,347 |
| **Peluang Keusahawanan** | 6) Bilangan usahawan yang diwujudkan | 2,964 |
| **Projek Pembangunan** | 7) Bilangan projek fizikal dimulakan | 7 |
| | 8) Bilangan projek fizikal disiapkan | 17 |
| | 9) Peratus penggunaan Bajet Pembangunan | 82% |
| **Syarikat Induk / Operator** | 10) Bilangan Syarikat Induk/Operator yang diwujudkan | 2 |
| **Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran** | 11) Kemalangan di tapak projek melibatkan kematian *(fatal accident at site)* | 0 |
| **Kesediaan Operasi** | 12) Peratus penggunaan Bajet Mengurus | 100% |



*Taman Automotif Pekan*

# PEMBUATAN



Kekayaan sumber asas di ECER terus menjadikan Wilayah ini satu destinasi pembuatan yang kompetitif. Kluster Pembuatan berfokus pada usaha menjalin pertalian sumber masa kini dan sumber baharu. Taman perindustrian di ECER memainkan peranan kritikal dalam melonjakkan pertumbuhan kluster pembuatan.




*Taman Automotif Pekan*

Kluster Pembuatan di ECER terus memanfaatkan kekayaan sumber semula jadi seperti kelapa sawit, minyak dan gas, bijih besi dan produk pertanian yang menjadikannya sebuah destinasi pelaburan yang ideal buat para pelabur. Ia terus disokong oleh peningkatan infrastruktur yang efisien yang menjadikan kluster Pembuatan ECER ini lebih berdaya saing dan mampu menarik minat pelabur bertaraf antarabangsa untuk melabur di sini, pada masa yang sama mengekalkan pelabur sedia ada.

Pada tahun 2013, kluster Pembuatan terus memacu transformasi di Wilayah ini dengan kemasukan lebih ramai pelabur asing dan tempatan yang melaksanakan projek mereka di taman-taman perindustrian yang dibangunkan oleh ECERDC. Terdapat tujuh buah taman perindustrian di ECER, di mana setiap satunya memfokuskan kepada industri pembuatan yang khusus. Taman-taman tersebut ialah Taman Automotif Pekan (PAP), Taman Bio Bersepadu Kuantan (KIBP), Taman Industri Halal Gambang, Taman Industri Halal Pasir Mas, Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP) dan Taman Biopolimer Kertih (KBP).

Terdapat penambahan sebanyak 50% dari segi bilangan jumlah pelabur di dalam kluster Pembuatan ECER berbanding tahun 2012. Pada penghujung 2013, sejumlah lima pelabur di dalam kluster Pembuatan telah memberikan komitmen untuk melabur dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.75 bilion.




*Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP)*

Antara projek yang menerima kemasukan pelabur pada tahun ini ialah MCKIP dan PAP. Manakala Kompleks Perniagaan Usahawan (EBC) di Taman Industri Halal Pasir Mas pula telah siap seperti yang dijadualkan.

**Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP)**

Pada Januari 2013, syarikat pemaju induk MCKIP telah ditubuhkan dan dinamakan Malaysia-China Kuantan Industrial Park Sdn. Bhd. dengan pegangan ekuiti sebanyak 51% oleh Konsortium Malaysia dan 49% oleh Konsortium China. MCKIP berfungsi sebagai pemangkin dalam menyediakan peluang perniagaan serta dagangan dua hala antara Malaysia dan China. Bagi pembangunan Fasa 1 MCKIP, kerja pembinaan loji keluli moden di kawasan seluas 710 ekar dijangkakan bermula pada suku pertama 2014 dan kilang akan beroperasi pada 2016. Kilang-kilang ini dijangka akan menawarkan peluang pekerjaan kepada seramai 3,500 pekerja.

**Taman Automotif Pekan (PAP)**

Sehingga Disember 2013, kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang melibatkan pembinaan infrastruktur tahap pertama seperti jalan raya dan utiliti dengan jumlah keluasan 237 ekar telah siap dan sedia untuk menerima kemasukan pelabur. Daripada 141 ekar yang diperuntukkan bagi menempatkan pelabur di kawasan tersebut, sebanyak 54 ekar telah dijual. Antara komponen pembangunan di PAP ialah lot industri dan komersial, gudang, kompleks pemasaran setempat, kawasan perumahan serta pusat kajian dan penyelidikan. Pelabur terbaharu di PAP ialah DRB-HICOM Auto Solutions Sdn. Bhd. untuk peluasan perniagaan dengan nilai pelaburan sebanyak RM40.16 juta. Syarikat akan menjalankan projek logistik dan perkhidmatan bersepadu termasuk gudang penyimpanan kereta.

**Taman Industri Halal Pasir Mas, Kelantan**

Kompleks Perniagaan Usahawan (EBC) dibangunkan bagi menyokong industri di Taman Industri Halal Pasir Mas yang direka sebagai sebuah pusat komersial. EBC bakal menempatkan pejabat dan pusat pameran kepada pelabur di Taman tersebut. Mengambil kira sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam pembangunan industri makanan, ia juga



*Loji Rawatan Air Wakaf Bunut*

akan menawarkan ruang perniagaan kepada usahawan-usahawan IKS. Kompleks tersebut telah siap pada Jun 2013.

Komponen pembangunan Taman ini merangkumi lot industri dan komersial, gudang, pusat pengurusan taman, pusat logistik serta Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC).

**Taman Industri Halal Gambang, Pahang**

Kesedaran terhadap penggunaan produk halal telah menyumbang kepada peningkatan permintaan global terhadap produk halal. Mengambil kira perkara tersebut, Taman Industri Halal Gambang dibangunkan bagi memfokuskan kepada pengeluaran produk halal bagi makanan dan bukan makanan, yang memanfaatkan sumber daripada sektor pertanian dan minyak sawit di Wilayah ini. Komponen pembangunan Taman ini merangkumi lot industri dan komersial, gudang, pusat pengurusan taman, pusat logistik serta Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC).

**Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali**

Kajian Perniagaan dan Pelan Perlaksanaan untuk Taman ini telah pun siap dan Laporan Cadangan Pemajuan dijangka akan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada suku kedua 2014. Ia merupakan satu inisiatif strategik dalam membangunkan industri perikanan di negeri Kelantan khususnya, dan ECER secara amnya. Inisiatif ini akan menggalakkan pelaburan pihak swasta dalam aktiviti pemprosesan berasaskan ikan dan seterusnya akan meningkatkan permintaan untuk lebih banyak hasil tangkapan laut didaratkan di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Tok Bali. Kerja-kerja pembinaan Fasa 1 Taman ini akan dimulakan Julai 2014.

Pembangunan Tok Bali akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan mengambil kira program pembangunan ekopelancongan marin serta projek pembangunan pangkalan bekalan *(supply base)* untuk industri berasaskan minyak dan gas di pantai Tok Bali yang bakal dibangunkan oleh pelabur swasta.

Bagi memastikan bekalan air bersih yang mencukupi untuk kegunaan industri perikanan di Tok Bali, kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Wakaf Bunut telah ditingkatkan dari 9 juta liter sehari kepada 23 juta liter sehari. Kerja-kerja naik taraf ini telah pun siap sepenuhnya pada Februari 2013 dan penduduk serta pelabur di Tok Bali kini menikmati kemudahan ini.

Status Projek: Pembuatan

| No. | Projek | Peranan | Sasaran Pelaburan menjelang 2020 (RM) | Peluang Pekerjaan menjelang 2020 | Pendapatan Negara Kasar (PNK) (RM) | Status Pada 31 Disember 2013 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP)** | Hab untuk produk hiliran *(high-end)* dan industri berasaskan eksport | 10.5 bilion | 8,500 | 7.0 bilion | Fasa 1, kerja-kerja fizikal telah bermula |
| 2. | **Taman Industri Halal Gambang, Pahang** | Mengeluarkan produk makanan dan bukan makanan. Fokus industri: produk berasaskan pertanian, nutraseutikal, farmaseutikal, produk berasaskan daging, sos dan rempah | 2 bilion | 7,514 | 640 juta | Kerja-kerja fizikal pembinaan Fasa 1 siap pada Jun 2013 |
| 3. | **Taman Industri Halal Pasir Mas, Kelantan** | Mengeluarkan produk makanan halal. Fokus Industri: neutraseutikal, sos, rempah, produk berasaskan pertanian, produk berasaskan daging, produk hasil laut dan ramuan makanan. | 611 juta | 4,281 | 287 juta | Kerja-kerja fizikal pembinaan EBC telah siap pada Jun 2013 |
| 4. | **Taman Bio Bersepadu Kuantan, Pahang** | Mempromosi pembangunan berkaitan bioteknologi berasaskan biojisim kelapa sawit | 5 bilion | 8,259 | 2.278 juta | Kerja-kerja fizikal pembinaan telah siap pada Jun 2013 |
| 5. | **Taman Automotif Pekan, Pahang** | Membangunkan sebuah taman automotif bersepadu yang memfokuskan kepada pengeluaran/ pemasangan kenderaan premium berteknologi baru *(green vehicle)* | 5.2 bilion | 28,338 | 1.34 bilion | Fasa 2, Pakej 3 telah siap pada Disember 2013 |
| 6. | **Taman Biopolimer Kertih, Terengganu** | Membangunkan industri polimer dan industri berkaitan secara berkelompok melalui peningkatan nilai produk | 4.2 bilion | 3,229 | 1.6 bilion | Fasa 1c telah siap sepenuhnya pada Februari 2013<br><br>Fasa 2 Pakej 1 telah siap sepenuhnya pada Mac 2013<br><br>Fasa 2 Pakej 2: akan siap April 2014<br><br>Fasa 2 Pakej 3: akan siap Disember 2014 |



*Taman Biopolimer Kertih*

# MINYAK, GAS & PETROKIMIA



Bioekonomi - aktiviti ekonomi yang didorong sains biologi dan teknologi - bersedia memainkan peranan yang penting di dalam Kluster Minyak, Gas & Petrokimia, seiring industri hidro-karbon konvensional sedia ada. Ia berpusat di dua kawasan iaitu Kertih, Terengganu dan Gebeng, Pahang di mana beberapa syarikat minyak, gas dan petrokimia terbesar di dunia berpangkalan di Kompleks Petrokimia Bersepadu Kertih dan Kompleks Petrokimia Bersepadu Gebeng.



*Taman Biopolimer Kertih*

Kluster Minyak, Gas & Petrokimia di ECER telah diperkukuhkan lagi dengan pembangunan industri berkaitan bioteknologi yang ternyata mampu menarik kehadiran pelabur multinasional ke Wilayah ini. Peranan ECERDC dalam Program Transformasi Bioekonomi negara telah dipertingkatkan dengan jalinan strategik dengan pihak Kerajaan Negeri dan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp).

Fokus terus diberikan kepada peningkatan rantaian nilai melalui aktiviti hiliran yang akan mewujudkan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan untuk rakyat di ECER. Pembangunan kluster industri polimer dan pangkalan bekalan bersepadu merupakan dua inisiatif utama yang akan menampilkan potensi bioteknologi Malaysia dan sumber bahan mentah yang dimiliki oleh Wilayah ini.

**Taman Biopolimer Kertih (KBP)**

Antara aktiviti hiliran yang menjadi tumpuan pembangunan ialah Taman Biopolimer Kertih yang merupakan salah satu Projek Permulaan (EPP) yang akan membangunkan industri polimer bersepadu bagi produk polimer dan plastik bernilai sederhana dan tinggi. Ia merupakan salah satu aktiviti hiliran yang dibangunkan selaras dengan matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang akan memanfaatkan nilai tambah hiliran dan segmen berkaitan pembuatan.

CJ-Bio Malaysia Sdn. Bhd. dan Arkema Thiochemicals Sdn. Bhd. merupakan



*Kompleks Biopenapisan & Tiokimia Platform CJ-Arkema*

pelabur yang sedang membangunkan loji biometionina yang pertama di dunia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2 bilion. Loji ini akan memanfaatkan bekalan mentah yang tersedia di Wilayah ini dengan menggunakan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau dalam operasi pengeluarannya serta mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi untuk pembekal tempatan.

Salah satu daripada pelabur yang komited di KBP ialah GEVO Inc. yang mempunyai teknologi menghasilkan bioisobutanol yang pertama di dunia. Dengan pelaburan sebanyak RM1.96 bilion, loji ini akan menghasilkan bioisobutanol secara komersial menggunakan serpih kayu (tenaga boleh diperbaharui) dan mempunyai kemudahan pengeluaran berkapasiti 60,000 tan metrik setahun.

Pelabur-pelabur lain yang sedang beroperasi di sini ialah Hi-Essence Cable Sdn. Bhd. dan MIE Copper Sdn. Bhd. Dijangkakan bahawa taman ini akan dapat mewujudkan lebih 3,200 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan menjelang tahun 2020.

## Taman Bio Bersepadu Kuantan (KIBP)

Bagi memanfaatkan tanaman kelapa sawit yang banyak di Wilayah ini, KIBP dibangunkan khusus bagi menjalankan aktiviti berkaitan bioteknologi berasaskan kelapa sawit. KIBP akan disokong dengan kemudahan sokongan seperti pusat logistik, pejabat pentadbiran dan pusat perniagaan. Pembinaan KIBP dimulakan pada tahun 2010 dan dijangka dapat dibangunkan sepenuhnya dalam masa tiga tahun.



*Taman Industri Berat Kemaman*

Ia meliputi kawasan seluas 247 hektar yang mana 15 hektar diperuntukkan untuk membina lot Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kerja-kerja fizikal pembinaan telah siap sepenuhnya pada Jun 2013.

**Pangkalan Bekalan Minyak dan Gas Bersepadu**

Industri sokongan di ECER terus dibangunkan bagi menyokong aktiviti minyak dan gas di sini dengan mewujudkan sebuah pangkalan bekalan bersepadu yang lengkap. Pangkalan ini memanfaatkan kedudukannya yang terletak berhampiran dengan kemudahan huluan dan hiliran. Antara syarikat yang terlibat dalam industri sokongan di sini ialah Eastern Steel Sdn. Bhd. yang sedang membina kilang keluli bersepadu yang berpangkalan di Taman Industri Berat Kemaman (KHIP), di mana sehingga penghujung Disember 2013, pembinaan kilang ini telah 70% siap dan dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2014.

Menyedari akan kepentingan KHIP kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Terengganu, satu sistem rangkaian jalan raya yang efektif dan selesa adalah perlu untuk keselesaan pengguna di kawasan tersebut. Sehubungan itu, jalan susur di KHIP ini telah dipertingkatkan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas dan melancarkan perhubungan terutamanya di kawasan perindustrian besi dan keluli di Teluk Kalong, Kemaman. Kerja-kerja infrastruktur tersebut melibatkan pembinaan jalan susur T145 dan menaik taraf persimpangan. Kerja reka bentuk telah siap pada Oktober 2013 dan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada tahun 2014 dan dijangka siap pada tahun 2015. Kemudahan jalan raya ini akan menggalakkan lagi pembangunan dan pelaburan di KHIP serta sektor pelancongan di daerah Kemaman.



*Jambatan Bukit Kuang*

## Infrastruktur

Inisiatif ini disokong dengan infrastruktur dan kemudahan logistik moden yang telah tersedia seperti Pelabuhan Kertih, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan; sebuah terminal minyak mentah, sebuah terminal gas tepi laut serta perangkap *slug* tepi pesisir *(onshore slug catcher)* di Kertih. Infrastruktur ini melengkapkan ECER sebagai pusat pengeluaran bertaraf global yang menjadi pilihan utama pelabur untuk industri-industri berkaitan polimer.

ECERDC bertanggungjawab menyediakan dan menaik taraf infrastruktur asas seperti jalan raya, air, elektrik dan telekomunikasi. Bagi memastikan operasi di kluster ini berjalan lancar, ECERDC turut membina Jambatan Bukit Kuang dan melaksanakan kerja menaik taraf laluan perhubungan di kawasan berhampiran, iaitu jalan dari Jambatan Bukit Kuang ke Kampung Bukit Anak Dara.

Status Projek: Minyak, Gas & Petrokimia

| No. | Projek | Status Pada 31 Disember 2013 |
|---|---|---|
| 1. | **Taman Industri Biopolimer Kertih**<br>Fasa1 - Kerja Tanah dan Infrastruktur<br>Fasa 2 - Kerja Tanah dan Infrastruktur<br>Fasa 2 Pakej 2 - Infrastruktur (Tangki air, loji rawatan kumbahan, paip retikulasi air dan lain-lain)<br>Fasa 2 Pakej 3 - Kerja Tanah dan Infrastruktur | <br>Telah siap Februari 2013<br>Telah siap Mac 2013<br>Dijangka siap April 2014<br><br>Dijangka siap Disember 2014 |
| 2. | Pembinaan Jambatan Bukit Kuang | Pembinaan dijangka siap pada Ogos 2014 |
| 3. | Reka bentuk terperinci kerja menaik taraf jalan dari Jambatan Bukit Kuang ke Kampung Bukit Anak Dara | Reka bentuk akan siap pada Mac 2014 |



*Taman Negara Endau-Rompin*

# PELANCONGAN



Pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama pertumbuhan ekonomi di ECER. Dianugerahi dengan pantai semula jadi dan pulau-pulau yang indah serta hutan purba semula jadi, pelancongan berpotensi menarik pelaburan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di Wilayah ini. Inisiatif berasaskan pelancongan merangkumi pelbagai segmen: pelancongan bandar dan pantai, ekopelancongan, pelancongan berasaskan budaya dan warisan, pelancongan pulau, program Inap Desa dan acara-acara peringkat antarabangsa.



*Jeti Pulau Pemanggil, Johor*

Transformasi kluster pelancongan di ECER menyaksikan pelaksanaan pelbagai projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan Ke-10 (RMKe-10). Tumpuan terus diberikan kepada usaha-usaha memelihara warisan alam dan mempromosikan keunikan budaya dan khazanah yang dimiliki ECER sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Sektor pelancongan di ECER mencatat kemajuan yang amat menggalakkan apabila menerima pelaburan berjumlah RM9.9 bilion sehingga tahun 2013. Hasil daripada kerja-kerja menaik taraf, mengubah suai dan mengindahkan kawasan-kawasan pelancongan di ECER, telah mendorong lebih ramai pelabur asing dan tempatan untuk bertapak di sini. Semenjak ditubuhkan, ECERDC dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkaitan telah menumpukan usaha membangunkan sektor pelancongan di ECER dengan mengambil kira pelbagai aspek yang merangkumi alam sekitar, infrastruktur fizikal dan sosioekonomi.

ECER telah mengkelaskan segmen pelancongan tersebut kepada tiga segmen yang terpenting seperti di bawah.




Pada tahun 2013, di bawah segmen Pelancongan Bandar & Pesisiran Pantai iaitu konsep bandar yang selesa didiami, dua projek telah pun siap sepenuhnya iaitu pembinaan infrastruktur utama di Muara Selatan Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) dan Kuantan Waterfront (Promenade). Manakala di bawah segmen Pelancongan Alam Sekitar & Ekopelancongan, dua Pelan Pelaksanaan Strategik (SIP) iaitu Taman Negara dan Taman Negara Endau-Rompin dan satu projek pembinaan Makmal Air Tawar Tasik Chini telah disiapkan.

Sehingga kini, sebanyak tujuh projek pelancongan sedang dalam peringkat pelaksanaan dan berjalan mengikut jadual. Di antara projek-projek tersebut, tiga projek adalah di bawah segmen Pelancongan Warisan & Budaya, iaitu pengubahsuaian Masjid Sultan Abdullah, pembinaan Bangunan F&B (Anjung Warisan) dan Kompleks Pemasaran Perindustrian Kecil Sederhana (Serambi Pekan). Satu projek di bawah segmen Pelancongan Bandar & Pesisiran Pantai iaitu penaiktarafan kawasan Hutan Simpan Paya Bakau Kuantan Waterfront dan tiga buah projek di bawah segmen Pelancongan Alam Sekitar & Ekopelancongan, iaitu penaiktarafan kemudahan asas di kepulauan Terengganu, Mersing dan Pulau Tioman juga sedang dilaksanakan.



*Pulau Perhentian, Terengganu*



*Gambaran ilustrasi Masjid Sultan Abdullah dan Muzium Islam Pahang*

## PELANCONGAN WARISAN & BUDAYA

### Masjid Sultan Abdullah dan Muzium Islam Pahang

Masjid bersejarah ini, yang pada asalnya dibina daripada kayu pada tahun 1914 dan dibina semula pada tahun 1930, akan diubah suai menjadi sebuah Masjid dan Muzium Islam. Keistimewaan projek ini adalah dari segi reka bentuk bangunan dan landskapnya yang indah dan unik berdasarkan konsep "Muzium dalam Taman". Ia mampu menjadi salah satu daya penarik bagi pengunjung tempatan mahupun antarabangsa, di samping mempromosikan Pekan sebagai Bandar Warisan. Kedudukannya juga berdekatan dengan Muzium Sultan Abu Bakar dan Galeri Pengangkutan Air. Kerja-kerja mengubah suai dan membaik pulih Masjid Sultan Abdullah telah dimulakan pada Disember 2013 yang melibatkan kerja-kerja membaik pulih struktur bangunan, pemasangan kemasan dalaman, landskap dan pengisian artifak muzium.

### Pembinaan Bangunan F&B (Anjung Warisan) Dan Kompleks Pemasaran Industri Kecil Sederhana (Serambi Pekan) di Pekan

Pembinaan dua buah bangunan ini dilihat dapat membuka peluang perniagaan terutama kepada pengusaha tempatan yang terlibat di dalam perniagaan jualan makanan dan kraf. Dengan adanya bangunan ini, makanan tempatan seperti Murtabak Mengkasar, Puding Raja serta barangan kraf tempatan dapat dipromosikan dan secara langsung turut menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

## PELANCONGAN BANDAR & PESISIRAN PANTAI

### Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC)

Di bawah pembangunan Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC), Muara Utara dan Muara Selatan akan dibangunkan



*Gambaran ilustrasi KTCC Drawbridge*

sebagai peluasan kepada kawasan pusat perniagaan Kuala Terengganu yang sedia ada dengan menerapkan unsur-unsur kebudayaan, landskap dan seni bina yang unik. Kawasan pertumbuhan ini akan dibangunkan sebagai kawasan persisiran air yang dinamik dan berdaya maju selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri yang telah mengisytiharkan Kuala Terengganu sebagai Bandaraya Warisan Pesisir Air. Impak pembangunan ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu dan peluang keusahawanan dan perniagaan yang dapat meningkatkan taraf hidup dan ekonomi rakyat tempatan, di dalam sektor pelancongan, pendidikan, pelaburan, hartanah dan juga kesihatan.

Majlis pecah tanah bagi KTCC Mall Sdn. Bhd. sebagai pelabur pertama di sini telah diadakan pada bulan Mac 2013. Pembangunan yang dianggarkan bernilai RM1 bilion ini akan merangkumi komponen pusat membeli-belah seluas 750,000 kaki persegi, 520 buah suite perniagaan, 250 buah bilik hotel bertaraf lima bintang, gelanggang boling 48 lorong serta pawagam 10 skrin. Projek ini dijangka akan mengubah muara Sungai Terengganu untuk menjadi sebuah destinasi percutian bertaraf dunia yang turut menawarkan kemudahan mesyuarat, pameran dan persidangan serta pusat membeli-belah.

Pada bulan September 2013, Kerajaan Negeri telah memulakan pembinaan Bangunan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang baharu di salah satu plot tanah pembangunan di sini.

Kerja-kerja pembinaan infrastruktur utama Muara Selatan telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri pada November 2013.

Dalam masa yang sama, KTCC *Drawbridge*, sebuah jambatan angkat akan dibina bagi menghubungkan Muara Selatan dan Muara Utara. Jambatan ini dijangka akan menjadi daya tarikan pelancongan yang baharu




*Kuantan Waterfront*

ke bandar raya Kuala Terengganu, dan pembinaannya dijadualkan bermula pada tahun 2014. Jambatan ini juga akan menyediakan laluan alternatif bagi menyuraikan trafik dari Jambatan Sultan Mahmud, di samping menyediakan laluan terus ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.



*Sungai Kuantan*

**Kuantan Waterfront**

Projek Kuantan Waterfront berpotensi untuk menjadi salah satu daya tarikan utama pelancongan di bandar Kuantan. Makmal Koridor & Bandaraya *(Corridors & Cities Lab)* telah mengenal pasti kawasan ini sebagai salah satu komponen utama di dalam konurbasi Greater Kuantan. Terdapat empat kawasan pembangunan di sepanjang Sungai Kuantan yang telah dikenal pasti untuk kerja-kerja penaiktarafan iaitu Promenade, Paya Bakau, Tanjung Lumpur dan Taman Bandar.




*Makmal Kajian Air Tawar Tasik Chini*

Kuantan Waterfront Promenade yang terletak di lokasi strategik sepanjang 1.3 km berhadapan Sungai Kuantan merupakan kawasan rekreasi dan riadah bagi penduduk Kuantan. Oleh itu, selaras dengan agenda transformasi Greater Kuantan, penaiktarafan ini memfokuskan kepada peningkatan gaya hidup penduduk Kuantan ke arah yang lebih berkualiti, di samping menjadi salah satu daya tarikan utama di bandar raya Kuantan.

Kerja-kerja penaiktarafan Kuantan Waterfront Promenade telah siap dan diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) pada 19 Disember 2013. Antara kerja-kerja penaiktarafan dan penambahbaikan kemudahan fizikal Kuantan Waterfront Promenade ialah jeti Shah Bandar, taman permainan kanak-kanak, kemudahan awam seperti tempat duduk, landskap serta naik taraf pencahayaan dan aspek keselamatan. Dengan reka bentuk berkonsepkan 'helang' yang merupakan habitat semula jadi di situ, ianya dilihat mampu menyokong industri pelancongan dengan menjadikan kawasan tersebut sebagai salah satu lokasi perhentian *Kuantan River Cruise*.

Sebagai sebuah bandar yang terbesar di ECER, kawasan perairan Kuantan yang terletak berdekatan dengan pusat bandar dimanfaatkan sepenuhnya agar ia mampu memberi impak besar terhadap penjanaan pendapatan rakyat tempatan melalui pewujudan peluang pekerjaan, perniagaan dan peningkatan nilai hartanah. Inisiatif-inisiatif pelancongan yang dilaksanakan bermatlamat menjadikan Kuantan sebuah bandar dinamik yang dilengkapi kemudahan moden, pada masa yang sama mengekalkan warisan budaya dan aset ekologinya.

**Penaiktarafan Kawasan Hutan Simpan Paya Bakau Kuantan Waterfront di Kuantan**

Projek ini merupakan sambungan daripada projek naik taraf *promenade*



*Kemudahan boardwalk di Kompleks Makmal Tasik Chini*



*Taman Negara Endau-Rompin*

yang bertumpu kepada naik taraf kemudahan *boardwalk* di kawasan paya bakau. Lokasi ini dilihat sesuai sebagai daya tarikan pelancong yang gemarkan keindahan semula jadi paya bakau.

## PELANCONGAN ALAM SEKITAR DAN EKOPELANCONGAN

### Makmal Kajian Air Tawar Tasik Chini

Projek pembinaan Makmal Kajian Air Tawar Tasik Chini merupakan sebahagian daripada projek memulihara dan memelihara Tasik Chini yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak Universiti Kebangsaan Malaysia.

Makmal Kajian Air Tawar Tasik Chini dibangunkan dengan tujuan membolehkan para pengkaji menjalankan kajian usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini. Kajian ini amat penting bagi memastikan kemampanan Tasik Chini yang merupakan salah satu khazanah alam sekitar bernilai tinggi di mana ia juga merupakan sumber kehidupan Orang Asli yang tinggal di kawasan sekitarnya.

Pembinaan makmal ini bermula pada tahun 2011 dengan komponen utamanya terdiri daripada tiga buah makmal kajian, sebuah bangunan pentadbiran dan sebuah pusat kawalan keselamatan. Pembinaan makmal ini mengambil kira keadaan persekitaran yang berhutan dan bagi tujuan mengekalkan kehijauan hutan ini, kompleks ini dibina berdasarkan *low ecological impact design* bagi tujuan memelihara alam sekitarnya. Contoh reka bentuk yang diaplikasikan ialah pembinaan struktur di atas tapak *stilts*, pembinaan *boardwalk* untuk meminimumkan kesan terus terhadap tanah dan pengekalan pokok sedia ada. Makmal ini telah disiapkan pada bulan Mei 2013 dan bakal diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pengendali makmal pada tahun 2014.



*Jambatan Sungai Emas*

Secara keseluruhan, usaha–usaha pembangunan Tasik Chini ini akan memperkukuhkan lagi peranan dan imej Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera pertama di Malaysia yang merupakan daya tarikan unik untuk menarik lebih ramai pelancong eko-ilmiah. Ia sekali gus akan memberi manfaat dari segi peningkatan sumber pendapatan kepada penduduk sekitar dan masyarakat Orang Asli di Tasik Chini.

**Penaiktarafan Jalan Kahang-Endau-Rompin**

Kawasan Taman Negara Endau-Rompin merupakan Taman Negara kedua terbesar di Semenanjung Malaysia dan mempunyai potensi besar bagi tujuan pembangunan industri ekopelancongan. Walau bagaimanapun, keadaan jalan tanah sedia ada, yang hanya dapat dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda, telah menyukarkan laluan ke Taman Negara. Ini menyebabkan potensi pembangunan sektor ekopelancongan ke Taman Negara ini agak terbatas. Keadaan ini menjadi semakin buruk apabila laluan tersebut sering terputus akibat sering dinaiki air banjir ketika musim tengkujuh. Oleh itu, keperluan menaik taraf jalan ke Taman Negara




*Penaiktarafan Jalan Kahang-Endau-Rompin*



*Pulau Aur, Johor*



*Pulau Redang, Terengganu*

Endau-Rompin adalah sangat kritikal untuk menarik lebih ramai pelancong dan juga memantapkan lagi ekonomi tempatan yang dijana daripada aktiviti ekopelancongan.

Berdasarkan kepada potensi Taman Negara Endau-Rompin serta kepentingan pembangunan industri ekopelancongan di kawasan tersebut, perancangan telah dilakukan bagi menaik taraf laluan ke Taman Negara dari Kahang yang melibatkan jajaran jalan sepanjang 51 km. Kerja-kerja pembinaan bagi Pakej Utara sepanjang 21.6 km yang menghubungkan Sungai Emas dan Kompleks Taman Negara Endau-Rompin telah bermula pada bulan September 2011, dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2013. Manakala, reka bentuk terperinci untuk Pakej Selatan yang melibatkan jajaran sepanjang 29.4 km menghubungkan Kahang ke Sungai Emas telah pun siap. Pakej ini sedang dalam proses pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan.

**Penaiktarafan Jalan Sg. Lembing**

Bagi mempertingkatkan potensi pelancongan dan ekonomi bagi beberapa kawasan pelancongan di sekitar Bandar Warisan Perlombongan Sungai Lembing, ECERDC telah melaksanakan kerja penaiktarafan Jalan Sungai Lembing ke Kuantan. Ia melibatkan kerja menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 25.8 km, terutamanya di kawasan lembangan banjir. Kerja reka bentuk telah pun disiapkan pada Disember 2013.

**Penaiktarafan Kemudahan Asas di Kepulauan Mersing, Pulau Tioman dan Kepulauan Terengganu.**

Dari segi geografi, kepulauan di ECER merupakan rangkaian kepulauan yang terkenal dari segi pelancongan dan keindahan semula jadi. Untuk mengekalkan keindahan dan kemampanan kepulauan di ECER, pihak ECERDC telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf kemudahan asas di



*Pulau Sibu, Johor*

kepulauan Mersing, Pulau Tioman dan kepulauan Terengganu.

Kerja-kerja naik taraf ini menggunakan Dana Amanah Hartanah ECER atau *Real Estate Trust Fund* (RETF). Pelan Induk ECER telah menyasarkan penubuhan dana untuk pelaksanaan pembangunan infrastruktur asas termasuklah kemudahan asas dan utiliti yang melibatkan Tanah Rizab Melayu (TRM) di ECER.

Kerja naik taraf ini bertujuan mengukuhkan imej kepulauan ECER sebagai destinasi pelancongan pulau yang unggul di peringkat antarabangsa dengan pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur, menggalak pembangunan resort yang berciri mesra alam serta pengiktirafan dari badan akreditasi antarabangsa. Pembinaan jeti, jambatan dan laluan pejalan kaki ini akan menghubungkan kampung-kampung kecil dengan pintu masuk *(gateway)* ke pulau tersebut. Kesannya ia akan membuka peluang dan meningkatkan potensi pembangunan pelancongan dan secara tidak langsung menambah nilai TRM. Pembangunan infrastruktur asas juga adalah sebagai pemangkin untuk menggalakkan pembangunan dengan penyertaan pelaburan pihak swasta.

**i) Kepulauan Mersing**

Kerja penaiktarafan dijalankan di lima buah pulau iaitu Pulau Besar, Pulau Sibu, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur. ECERDC dengan kerjasama agensi-agensi tempatan dan negeri akan membina Kompleks Informasi dan pintu masuk ke Taman Laut Diraja Iskandar di Pulau Besar. Turut dilaksanakan ialah kerja-kerja menambah baik jambatan-jambatan kayu kepada jambatan konkrit, mengadakan sambungan jalan darat untuk menghubungkan kampung-kampung yang sebelum ini hanya boleh dihubungi melalui jalan laut, menaik taraf sistem kumbahan, sistem pengairan, pembinaan jeti-jeti baru dan papan-papan tanda seragam di kelima-lima buah pulau.



*Jeti di Pulau Tioman*

**ii) Pulau Tioman**

Kerja-kerja yang dilaksanakan di pulau ini ialah menambah baik jeti, *boardwalk,* menaik taraf sistem kumbahan, penggantian jambatan konkrit, pembinaan tembok penahan hakisan, pembinaan unit komersial serta menaik taraf kawasan Dataran Tioman.

**iii) Kepulauan Terengganu**

Kerja penaiktarafan dilakukan di tiga buah pulau iaitu Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas. Kerja-kerja yang terlibat ialah menambah baik jeti, sistem *fender,* pembinaan jambatan konkrit, *boardwalk*, pembinaan tembok penahan hakisan, penambahan kawasan pengumpulan sampah dan pembinaan surau awam.

Status Projek: Pelancongan

| No. | Segmen | Projek | Skop Kerja | Status Pada 31 Disember 2013 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **Pelancongan Bandar** | **Muara Selatan (KTCC)** | Pembinaan infrastruktur asas di Muara Selatan | Pembinaan telah siap pada Nov 2013 |
| | | **Muara Utara (KTCC)** | Pembinaan infrastruktur asas di Muara Utara | Kontraktor dijadualkan dilantik pada suku kedua 2014 |
| | | **KTCC Drawbridge** | Pembinaan Jambatan Angkat | Kontraktor dijangka dilantik pada suku kedua 2014 |
| | | **Kota Bharu City Center (KBCC)** | Menyediakan Pelan Induk Pengurusan Trafik dan Pengangkutan di sekitar bandar Kota Bharu | Laporan akhir kajian telah siap pada suku keempat 2013 |
| | | **Hutan Paya Bakau Kuantan Waterfront** | Menambah baik kemudahan pelancongan yang merangkumi:<br>1. *Boardwalk*, menara pemerhati burung dan wakaf | Pembinaan dijadualkan siap pada suku kedua 2014 |
| 2. | **Pelancongan Pulau** | **1. Kepulauan Terengganu (Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Perhentian)**<br>**2. Kepulauan Mersing, Johor (Pulau Besar, Pulau Aur, Pulau Sibu Besar, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil)**<br>**3. Pulau Tioman** | Menambah baik kemudahan asas dan sokongan seperti jeti, sistem saliran, infrastruktur dan pengurusan sisa kumbahan | Pembinaan dijangka dimulakan pada suku kedua 2014 |
| 3. | **Pelancongan Pesisiran Pantai** | **Pesisiran Pantai Teluk Lipat, Dungun** | Membina tiga tanjung tinggi tiruan *(artificial headland)* untuk melindungi dan memulih pesisir pantai sepanjang 1.5 km | Pembinaan dijadualkan siap pada Januari 2015 |
| 4. | **Warisan Pelancongan dan Budaya** | **Anjung Warisan (Bangunan F&B)** | Membina dua buah bangunan dan mempromosikan kemudahan tersebut kepada pengusaha tempatan dan *franchise* | Pembinaan dijangka siap pada suku kedua 2014 |
| | | **Kompleks Pemasaran Industri Kecil Sederhana (Serambi Pekan)** | | |


GOAT FEED
Makanan Kambing
Goat Feed

# PERTANIAN



Pertanian merupakan salah satu pemacu utama pembangunan sosioekonomi ECER bertujuan menjana pendapatan serta peluang keusahawanan kepada komuniti masyarakat luar bandar khususnya golongan petani, nelayan dan penternak. Inisiatif pertanian ECER ialah untuk mentransformasi sektor pertanian kepada sebuah industri komersial yang moden dan mampan, pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan Malaysia ke atas hasil pertanian yang diimport. Bioteknologi juga memainkan peranan utama di dalam kluster pertanian bertujuan meningkatkan skop dan produktiviti segmen tanaman, perikanan dan ternakan.



*Peserta Agropolitan Besut-Setiu sedang memotong rumput Napier yang dijadikan makanan biri-biri Dorper*

**Pertanian: Agropolitan**

Projek Agropolitan yang diusahakan oleh ECERDC kini sudah memasuki tahun keempat. Impak projek dapat dilihat dari segi jumlah pendapatan yang diperolehi, perubahan sikap dan pemikiran para peserta yang terdiri daripada golongan miskin dan Orang Asli. Projek Agropolitan dilaksanakan di Pahang, Kelantan dan Terengganu yang melibatkan 840 buah keluarga. Projek-projek tersebut ialah:

| Projek | Aktiviti | Jenis Aktiviti |
|---|---|---|
| Agropolitan Pekan, Pahang | Utama | Penternakan biri-biri Dorper dan perladangan kelapa sawit |
| | Sekunder | Penternakan ayam dan nurseri sawit |
| Agropolitan Kelantan Selatan, Kelantan | Utama | Perladangan kelapa sawit |
| | Sekunder | Tanaman koko |
| Agropolitan Besut-Setiu, Terengganu | Utama | Penternakan biri-biri Dorper |
| | Sekunder | Penternakan ayam dan aktiviti hiliran |



*Agropolitan Pekan*

## Agropolitan Pekan

Agropolitan Pekan dilaksanakan di tiga lokasi iaitu Batu 8 Mukim Lepar, Runchang dan Tanjung Batu, Mukim Bebar. Sehingga Disember 2013, seramai 415 peserta telah terlibat dalam projek Agropolitan Pekan, di mana 202 peserta terlibat dalam aktiviti penternakan biri-biri Dorper di Batu 8 dan Runchang, manakala 213 peserta terlibat dalam aktiviti perladangan kelapa sawit di Tanjung Batu. Projek Agropolitan Pekan di Tanjung Batu telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 21 April 2013.

Pada tahun 2013, sejumlah 8,000 ekor biri-biri Dorper diternak di Batu 8 dan Runchang. Purata pendapatan peserta sebulan ialah RM1,200.

Bagi menambah pendapatan, Koperasi Agropolitan Lepar Pekan Berhad telah ditubuhkan dan telah memulakan projek penternakan ayam secara ladang kontrak dengan Ayamas. Sehingga penghujung Disember 2013, sebanyak tujuh pusingan penternakan ayam telah dilaksanakan. Peserta akan memperoleh pendapatan tambahan melalui pembayaran dividen.



*Agropolitan Kelantan Selatan*

## Agropolitan Kelantan Selatan

Projek ini yang melibatkan pembinaan 315 unit rumah peserta telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2013. Komponen pembangunan yang lain ialah pembinaan Loji Rawatan Air Rantau Manis dan pembangunan ladang kelapa sawit berkeluasan 1,490 hektar. Selain daripada itu, seluas 160 hektar tanaman koko sedang diusahakan dengan kerjasama Lembaga Koko Malaysia. Tanaman koko ini adalah selaras dengan usaha untuk menjadikan Gua Musang sebagai hab industri koko di ECER.




*Majlis Perasmian Agropolitan Besut-Setiu*

ECERDC sedang membangunkan sebanyak 300 unit rumah tambahan yang dijangka siap pada 2015.

**Agropolitan Besut – Setiu**

Projek ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada 29 September 2013. Komponen pembangunan termasuk 100 unit rumah peserta, 52 Unit Pengeluaran Ternakan (Animal Production Unit - APU), 104 hektar tanaman rumput Napier dan kemudahan awam seperti surau, kedai dan tadika. Sebanyak 2,000 ekor biri-biri Dorper diternak di ladang ini dan secara purata peserta memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM1,000.

**Khidmat sokongan**

Usaha membasmi kemiskinan di ketiga-tiga negeri ini tidak hanya terhad kepada penyediaan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan bulanan peserta, ECERDC turut menyediakan latihan kepada peserta-peserta seperti kursus teknikal penanaman kelapa sawit, pengurusan haiwan ternakan, teknologi penanaman koko dan sebagainya agar peserta-peserta memiliki ilmu dan kemahiran yang sewajarnya.

Selain kursus berbentuk teknikal, peserta juga dibimbing dari segi pengisian rohani melalui ceramah-ceramah agama, motivasi dan pengurusan kewangan. Manakala anak-anak peserta Agropolitan pula dibimbing melalui program ***empower* ECER**. Program ini menekankan latihan akademik dan pembangunan sahsiah diri bagi melonjakkan pencapaian akademik anak-anak peserta.

Program ***empower* ECER** ini dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).




*Pertukaran Dokumen ECERDC dan Biotech Corp*

**Pertanian: Transformasi Bioekonomi Yang Mampan**

Transformasi ekonomi bagi sektor pertanian telah diberikan fokus utama dalam pelaksanaan program pembangunan ECERDC terutamanya strategi pemacuan ekonomi yang holistik berasaskan prinsip kemampanan, diselaraskan dengan strategi-strategi peringkat nasional seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Bioekonomi (BTP). Inisiatif ini dirangka supaya ianya dapat membawa keberhasilan jangka panjang dan mampan kepada industri pertanian, peningkatan produktiviti dan daya saing, serta kesejahteraan rakyat.

Antara strategi transformasi pertanian yang telah dilaksanakan adalah program pembangunan pertanian secara perladangan berskala besar yang akan memberikan impak terhadap pasaran eksport, di samping dapat membekalkan bahan mentah yang mencukupi untuk industri pemprosesan dalam negara.

Pembangunan ladang seluas 7,724 ekar telah dilaksanakan untuk kelompok-kelompok strategik seperti ternakan lembu tenusu di Pahang, ternakan biri-biri di Terengganu, ladang nanas di Pahang, ladang herba di Pahang dan Terengganu serta industri perikanan di Kelantan dan Pahang.

Bagi memastikan kemampanan ekonomi, tiga lagi strategi transformasi pertanian telah dilaksanakan iaitu dengan mempromosikan penggunaan teknologi tinggi dan mekanisasi, penglibatan secara menyeluruh dalam rantaian nilai produk, serta penglibatan yang aktif dari sektor swasta sebagai peneraju industri.

Inisiatif-inisiatif ini yang juga telah diselaraskan dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Bioteknologi Pertanian di bawah Dasar Bioekonomi Negara (DBN) telah menarik pelaburan swasta sebanyak RM3.96 bilion.

## Status Projek: Pertanian

| Kelompok | Projek | Status pada 31 Disember 2013 |
|---|---|---|
| **Kelompok Industri Tenusu** | Pusat Penyelidikan & Inovasi Lembu, Muadzam Shah, Pahang | Syarikat induk akan dilantik pada suku kedua 2014 |
| **Kelompok Industri Bebiri** | Pusat Pembiakan & Inovasi Bebiri, Kuala Berang, Terengganu | Syarikat induk akan dilantik pada suku kedua 2014 |
| | Ladang Komersial Kambing, Telaga Papan, Terengganu | ETD Makmur Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai syarikat induk |
| **Kelompok Industri Nanas** | Ladang Nanas Bersepadu, Rompin, Pahang | Erat Semarak Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai syarikat induk |
| **Kelompok Industri Herba & Bioteknologi** | Taman Herba dan Bioteknologi, Pasir Raja, Terengganu | Syarikat induk akan dilantik pada suku kedua 2014 |
| | Taman Herba dan Bioteknologi, Chegar Perah, Pahang | Syarikat induk akan dilantik pada suku kedua 2014 |
| **Kelompok Industri Perikanan & Akuakultur** | Pusat Pembenihan dan Pemasaran Benih Ikan Marin Merchong, Pahang | Syarikat induk akan dilantik pada suku ketiga 2014 |
| | Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) Pengkalan Kubor, Kelantan | Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) Tumpat, Kelantan telah dilantik sebagai syarikat induk |
| | Taman Pemprosesan Ikan Kuantan, Pahang | Syarikat induk akan dilantik pada suku pertama 2014 |



*Pusat Pembiakbakaan dan Inovasi Bebiri Kuala Berang*

Di samping itu, dua inisiatif bioteknologi akan dibangunkan oleh pelabur swasta iaitu Pusat Pengeluaran *Caviar* di Jerantut dan Taman Bio-aromatik di Maran, Pahang.

Semenjak lima tahun penubuhan ECER, kluster pertanian Wilayah ini telah merekodkan pencapaian dengan pelaksanaan 15 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) dan Ke-10 (2011-2015). Kesemua inisiatif dilaksanakan dengan matlamat untuk mengurangkan kebergantungan kepada produk import, meningkatkan kecekapan rantaian nilai serta meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat luar bandar melalui pelaksanaan aktiviti berasaskan pertanian yang bernilai komersial dan mampan.

Sehingga Disember 2013, kluster pertanian menerima pelaburan komited bernilai RM619 juta yang bakal menjana 3,000 peluang pekerjaan. Kerja-kerja pembinaan sembilan projek berimpak tinggi juga telah berjaya disiapkan manakala tiga syarikat induk telah dilantik untuk mengoperasikan projek secara komersial di bawah inisiatif pelaburan swasta. Enam lagi syarikat induk akan dilantik pada 2014.

### Kelompok Industri Tenusu

Fokus kelompok ini adalah untuk menghasilkan baka lembu tenusu tempatan yang lebih berkualiti dan berpenghasilan tinggi untuk dibekalkan kepada penternak kontrak dan penternak tempatan. Objektif utama kelompok ini ialah untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada baka import dan untuk menggalakkan pertumbuhan mampan industri tenusu negara. Pembangunan kelompok industri tenusu di ECER telah menyasarkan untuk menghasilkan 50 juta liter susu segar dan 5,000 baka lembu tenusu setahun menjelang 2020.

Model perniagaan syarikat induk akan dilaksanakan dalam membangunkan




*Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah*

kelompok industri tenusu di ECER. Syarikat induk yang dilantik dari kalangan pemacu industri yang berkaliber akan menerajui industri ini secara menyeluruh di kesemua rantaian nilai.

Ia turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan pemindahan teknologi melalui pembangunan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu di Muadzam Shah, Pahang.

Pusat penyelidikan dan inovasi yang telah siap dibina ini turut merangkumi pembangunan sebuah ladang nukleus lembu tenusu berkeluasan 240 hektar, yang akan mengeluarkan 300 ekor baka lembu tenusu setahun. Ianya akan dioperasikan secara komersial oleh syarikat induk yang bakal dilantik pada April 2014.

Tiga ladang pengganda tenusu akan dibangunkan di Mersing, Johor; Kuala Berang, Terengganu; dan Tanah Merah, Kelantan di bawah inisiatif pelaburan swasta.

**Kelompok Industri Biri-biri**

Program pembangunan industri biri-biri di ECER sedang dilaksanakan secara menyeluruh dengan memberi penekanan kepada program penambahbaikan pembiakan baka biri-biri jenis Dorper. Ia berpotensi luas untuk dihasilkan secara komersial serta mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada penternak tempatan.

Program pembiakan ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada baka-baka import menjelang 2020. Turut diberi penekanan ialah pembangunan industri hiliran iaitu pemprosesan produk-produk berasaskan daging dan produk-produk nilai tambah seperti kulit dan baja organik. Sebanyak 7,400 metrik tan daging biri-biri setahun dijangka dapat dihasilkan untuk memenuhi pemintaan pasaran daging biri-biri tempatan.



*Ladang Nanas Bersepadu Rompin*

Bagi melaksanakan inisiatif ini, sebuah Pusat Pembiakan dan Inovasi Biri-biri telah dibangunkan di Kuala Berang, Terengganu dan sebanyak 4,200 ekor baka biri-biri Dorper akan dihasilkan setahun bagi memenuhi permintaan penternak tempatan. Kerja-kerja pembinaan pusat pembiakan ini telah pun siap, manakala Syarikat Induk akan dilantik pada April 2014.

Untuk menampung permintaan pasaran yang tinggi, ladang-ladang komersial untuk ternakan biri-biri akan dibangunkan untuk usahawan dan penternak tempatan di 28 pusat pengeluaran biri-biri yang bakal dibangunkan di Pahang, Terengganu dan Kelantan menjelang tahun 2020.

**Kelompok Industri Nanas**

Pembangunan bersepadu industri nanas telah dilaksanakan dengan memberikan fokus strategik kepada pengeluaran nanas dari varieti MD2 secara komersial di Rompin, Pahang. Tanah seluas 2,000 hektar telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk dibangunkan sebagai Ladang Nanas di negeri Pahang.

Fasa 1 pembangunan ladang komersial nanas seluas 480 hektar dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua 2014. Melalui inisiatif ini, sebanyak 70,000 metrik tan nanas segar dapat dihasilkan setahun dengan memberi tumpuan kepada pasaran eksport.

Bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli tempatan, tanah seluas 100 hektar telah diperuntukkan untuk Koperasi Orang Asli Kampung Tanam Berhad sebagai ladang kontrak, manakala 80 hektar lagi akan dibangunkan oleh usahawan tani tempatan melalui skim yang sama.

Pada 30 Ogos 2013, syarikat induk yang dilantik telah menandatangani perjanjian untuk membekalkan nanas MD2 yang ditanam di Rompin ke negara China untuk kontrak selama 10 tahun.



*Misai kucing*

Kontrak bernilai RM300 juta ini bakal mewujudkan landskap baru dalam industri nanas di negeri Pahang.

### Kelompok Industri Herba dan Bioteknologi

Fokus kluster ini adalah kepada pembangunan aktiviti-aktiviti huluan dan pertengahan yang akan menghasilkan bahan mentah berkualiti tinggi dan berskala besar untuk industri hiliran dan pemprosesan berasaskan herba yang bakal dibangunkan di taman-taman industri halal dan bioteknologi di ECER.

Sepuluh jenis herba yang mempunyai nilai komersial telah dikenalpasti sebagai tanaman utama iaitu tongkat ali, hempedu bumi, kacip Fatimah, mengkudu, dukung anak, misai kucing, halia, *lemon myrtle*, gaharu dan mas cotek.

Pada Disember 2013, kemajuan kerja-kerja pembinaan di dua Taman Herba dan Bioteknologi iaitu di Pasir Raja, Dungun di Terengganu dan di Chegar Perah, Lipis di Pahang telah mencapai 90% siap. Projek yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) iaitu sebagai Projek Permulaan (EPP) akan memberikan penekanan kepada industri berasaskan bioteknologi yang mensasarkan pasaran eksport untuk produk-produk farmaseutikal, nutraseutikal dan ubatan botani.

### Kelompok Industri Perikanan dan Akuakultur

Industri berasaskan ikan akan ditransformasikan melalui pengkomersialan segmen kritikal di sepanjang rantaian nilai bersepadu. Fokus akan diberikan kepada pembangunan di dalam industri huluan dan hiliran, manakala industri pertengahan akan dibangunkan oleh Kerajaan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Bagi industri huluan, ia akan menerima suntikan baru dalam teknologi pembenihan melalui pelaksanaan inisiatif pembangunan Pusat Pembenihan dan Pemasaran Benih Ikan Marin Merchong, Pekan di Pahang, yang dijangka siap pada suku ketiga 2014. Program ini yang akan menghasilkan 10 juta benih ikan marin setahun dijangka bakal menyelesaikan masalah kebergantungan kepada benih ikan marin yang diimport. Penubuhan pusat ini juga akan dimanfaatkan oleh pengusaha-pengusaha industri akuakultur di seluruh negeri Pahang dan selatan Terengganu untuk mendapatkan benih ikan yang berkualiti tinggi dalam jumlah yang mencukupi sepanjang tahun.

Bagi menyokong industri hiliran dan pemprosesan pula, dua pusat pemprosesan telah dibangunkan iaitu Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) untuk produk



*Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) Pengkalan Kubor*

berasaskan ikan di Pengkalan Kubor, Kelantan dan Taman Pemprosesan Ikan di Kuantan, Pahang.

Pembinaan CPPC untuk produk berasaskan ikan di Pengkalan Kubor, Kelantan telah siap pada bulan Februari 2013. Pusat ini telah diserahkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Tumpat untuk dioperasikan secara komersial. Pusat ini menyasarkan pengeluaran sos ikan sebanyak 82,000 liter setahun yang akan menepati piawaian antarabangsa seperti GMP, HALAL dan HACCP. Pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan berpeluang untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan PNK Tumpat untuk menghasilkan produk mereka secara pengilangan kontrak *(contract manufacturing)*. Produk yang dihasilkan akan menepati piawaian HACCP dan bakal memberikan kelebihan kepada pengusaha untuk menembusi pasaran baharu serta mendapatkan harga premium.

Kerja-kerja pembinaan Taman Pemprosesan Ikan Kuantan telah pun siap pada bulan Ogos 2013. Syarikat Induk bagi mengoperasikan taman pemprosesan ikan ini akan dilantik pada April 2014. Operasi taman ini menyasarkan untuk memproses sebanyak 30% daripada 66,000 tan metrik hasil tangkapan ikan yang didaratkan di jeti pendaratan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuantan setiap tahun. Ini akan menambah nilai hasil tangkapan ikan dan secara langsung akan meningkatkan pendapatan nelayan.

Senarai Projek: Pertanian

| No. | Projek | Status Pada 31 Disember 2013 |
| --- | --- | --- |
| 1. | **Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu di Muadzam Shah, Pahang**<br>• Fasa 1 Pembinaan<br>• Fasa 2 Pembinaan<br>• Fasa 3 Pembinaan<br>• Fasa 4 Pembinaan | <br><br>Siap<br>Siap<br>Dijadual siap pada suku pertama 2014<br>Dijadual siap pada suku kedua 2014 |
| 2. | **Ladang Pengganda Bersepadu Lembu Tenusu di Kuala Berang, Terengganu**<br>• Kerja kaji selidik<br>• Kerja reka bentuk (Skimatik) | <br><br><br><br>Siap<br>Siap |
| 3. | **Pusat Pembiakan dan Inovasi Biri-biri di Kuala Berang, Terengganu**<br>• Kerja ukur<br>• Kerja reka bentuk<br>• Pembinaan | <br><br>Siap<br>Siap<br>Siap |
| 4. | **Ladang Pengganda dan Ladang Komersial Kambing di Telaga Papan, Terengganu**<br>• Pembinaan | <br><br><br>Siap |
| 5. | **Pusat Penetasan Ikan Air Tawar dan Pusat Pemasaran Benih Ikan di Raub, Pahang**<br>• Kerja kaji ukur<br>• Kerja reka bentuk (Skimatik) | <br><br><br>Siap<br>Siap |
| 6. | **Pusat Penetasan Ikan Air Tawar dan Pusat Pemasaran Benih Ikan Merchong, Pahang**<br>• Kerja kaji ukur<br>• Kerja reka bentuk<br>• Pembinaan (Perlindungan Pesisir Pantai)<br>• Pembinaan Hatcheri & Infrastruktur | <br><br><br>Siap<br>Siap<br>Siap<br><br>Dijadual siap pada suku kedua 2014 |
| 7. | **Taman Pemprosesan Ikan Kuantan, Pahang**<br>• Kerja kaji selidik<br>• Kerja reka bentuk<br>• pembinaan | <br><br>Siap<br>Siap<br>Siap |

Senarai Projek: Pertanian

| No. | Projek | Status Pada 31 Disember 2013 |
|---|---|---|
| 8. | **Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Pengkalan Kubor, Kelantan**<br>• Kerja kaji ukur<br>• Kerja reka bentuk<br>• Pembinaan | Siap<br>Siap<br>Siap |
| 9. | **Kelompok Herba**<br>• Strategi Perniagaan dan Pelan Pelaksanaan (BSIP)<br>• Kerja kaji ukur<br>• Pembinaan (Chegar Perah, Pahang)<br>• Pembinaan (Pasir Raja, Terengganu) | Siap<br>Siap<br>Dijadual siap pada suku pertama 2014<br>Dijadual siap pada suku pertama 2014 |
| 10. | **Ladang Nanas Bersepadu Rompin, Pahang**<br>• Strategi Perniagaan dan Pelan Perniagaan (BSIP)<br>• Kerja kaji ukur<br>• Pembinaan | Siap<br>Siap<br>Dijangka siap pada suku kedua 2014 |
| 11. | **Pusat Pengeluaran dan Pemprosesan Burung Walit Bersepadu, Tanjung Batu, Pekan, Pahang**<br>• Strategi Perniagaan dan Pelan Perniagaan (BSIP) | Siap |


empower ECER
Program Pembangunan
Modal Insan
HIMMAH
HOMEMADE &
Jeli, Kelantan
empower ECER
Program Pembangunan
Modal Insan

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Pembangunan Modal Insan memainkan peranan kritikal di dalam memastikan ECER menjadi Wilayah yang membangun menjelang 2020. Untuk mempercepatkan pencapaian Visi ECER, ECERDC telah mengambil pelbagai pendekatan bertujuan memupuk warga kerja lebih dinamik dan masyarakat usahawan. Objektif utama ECERDC ialah untuk memastikan kesinambungan kejayaan projek dan program ECER.



*Terminal Jahitan, Mersing*

Berpegang kepada prinsip "tiada sesiapa yang ketinggalan dalam menikmati kekayaan ECER", pada tahun 2013, pihak ECERDC terus memperkasakan rakyat dengan memberi tumpuan kepada peningkatan taraf hidup mereka dan keseimbangan dalam pembangunan sosioekonomi melalui program-program seperti ***empower* ECER**, TERAJU@ECER, Program Peningkatan Bakat Negara (NTEP) dan Program Pembangunan Keusahawanan ECER (EEDP). Transformasi ECER bukan sahaja dapat dilihat dari segi infrastruktur fizikal tetapi juga dari segi pembangunan modal insannya agar rakyat tempatan menjadi lebih berkemahiran dan berdaya saing. Modal insan yang berkualiti memainkan peranan penting dalam transformasi ECER, di mana ia mampu memacu pembangunan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Sepanjang lima tahun penubuhannya, inisiatif pembangunan modal insan yang diterajui oleh ECERDC telah berjaya melahirkan ramai tenaga kerja yang berkemahiran dalam pelbagai bidang di ECER, serta meningkatkan pendapatan rakyat dengan lahirnya usahawan-usahawan baharu dan perusahaan kecil dan sederhana. Selain dapat meningkatkan taraf hidup rakyat di ECER, program pembangunan modal insan ini juga telah memberi peluang kepada rakyat untuk memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi setempat, seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.



*Peserta* ***empower*** **ECER** *Cameron Highlands*

## *empower* ECER

***empower*** **ECER** terus memainkan peranan penting dalam menjayakan transformasi ECER. Bertujuan melatih peserta dalam bidang akademik serta kemahiran & keusahawanan, program ***empower*** **ECER** ini telah berjaya melatih seramai 22,216 peserta yang terdiri daripada 13,491 peserta Latihan Akademik dan 8,725 peserta Latihan Kemahiran & Keusahawanan.

Jenis sekolah yang mengambil bahagian dalam Program Latihan Akademik ***empower*** **ECER** ialah Sekolah Kebangsaan (41), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (9), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (12), Sekolah Menengah Kebangsaan (41), Sekolah Orang Asli (3) dan Program Darul Falah (1).

Program ***empower*** **ECER** dirangka berlandaskan konsep 1Malaysia di mana program ini membuka peluang kepada semua kaum yang terdapat di ECER seperti Melayu, Cina, India dan Orang Asli.

Untuk program Latihan Akademik, ECERDC menyasarkan kelulusan 100% dalam peperiksaan utama iaitu UPSR, PMR dan SPM serta 30% peningkatan akademik secara keseluruhan. Ia memberi penekanan kepada elemen akademik dan juga pembangunan sahsiah diri. Pelajar-pelajar yang terpilih untuk menyertai ***empower*** **ECER** merupakan pelajar-pelajar yang lemah dan sederhana pencapaian akademik mereka, serta berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan. ***empower*** **ECER** bukan sahaja memberi penekanan kepada elemen akademik tetapi juga pembangunan sahsiah diri yang mampan. Untuk program Latihan Akademik, ECERDC menyasarkan kelulusan 100% dalam peperiksaan utama iaitu UPSR, PMR dan SPM serta 30% peningkatan akademik secara menyeluruh.

Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan program ini ialah pendekatan

menyeluruh yang melibatkan para pelajar, guru sekolah dan juga ibu bapa. Selain daripada itu, modul pembelajaran yang menekankan pembentukan sahsiah diri dan kemahiran pembelajaran seperti kursus motivasi, teknik pembelajaran yang berkesan serta lawatan untuk pembelajaran, turut menjadi faktor kejayaan Latihan Akademik ***empower*** **ECER**.

Latihan Kemahiran & Keusahawanan ***empower*** **ECER** pula memberi ruang kepada generasi muda dan golongan dewasa untuk mengasah bakat dan kemahiran yang boleh dimanfaatkan untuk meneroka bidang keusahawanan, sekaligus meningkatkan pendapatan mereka. ECERDC menyasarkan 80% daripada mereka mendapat pekerjaan sama ada bekerja dengan majikan atau mengusahakan perniagaan sendiri, dengan pertambahan pendapatan purata RM1,000 sebulan. Selain daripada menyediakan latihan kemahiran dan latihan asas perniagaan selama enam bulan kepada peserta, program ini juga turut memberi bimbingan kepada peserta dan memantau perkembangan perniagaan mereka selama 18 bulan.

Senarai Kursus Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

| No | Kursus | Jumlah Peserta |
|---|---|---|
| 1. | Andaman dan Kecantikan | 625 |
| 2. | Dandanan Rambut | 451 |
| 3. | *Made To Measure – Perfect Tailoring* | 403 |
| 4. | Industri Makanan Sejuk Beku | 375 |
| 5. | Sulaman Manik Kreatif | 335 |
| 6. | Kuih-Muih Ala Malaysia | 318 |
| 7. | Terapi Refleksologi dan Spa | 305 |
| 8. | Tele-Pemasaran | 277 |
| 9. | Katering dan Pengurusan Acara | 190 |
| 10. | Masakan 1Malaysia | 190 |
| 11. | Pembuatan Kek dan Pastri | 149 |
| 12. | Jahitan dan Rekaan | 140 |
| 13. | Membaiki Telefon Bimbit | 105 |
| 14. | Kraftangan | 57 |
| 15. | Industri Makanan Ringan | 50 |
| 16. | Keusahawanan dan Penjaja | 50 |
| 17. | Pempaipan dan Pendawaian | 25 |
| 18. | Video dan Fotografi | 20 |
| 19. | Inap Desa | 10 |
| | **Jumlah** | **4,075** |

Jumlah peserta pada tahun 2013 mengikut jantina

| Negeri | Pusat Latihan | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| **Pahang** | Bentong | 69 | 356 | 425 |
| | Temerloh | 56 | 344 | 400 |
| | Lipis | 42 | 358 | 400 |
| | Raub | 49 | 351 | 400 |
| | Cameron Highlands | 29 | 371 | 400 |
| | Kuala Pahang | 21 | 29 | 50 |
| **Terengganu** | Kemaman | 57 | 343 | 400 |
| | Dungun | 44 | 356 | 400 |
| **Kelantan** | Jeli | 38 | 362 | 400 |
| | Bachok | 22 | 378 | 400 |
| **Johor** | Mersing | 45 | 355 | 400 |
| | **Jumlah** | **472** | **3,603** | **4,075** |

Inisiatif ECERDC yang memanfaatkan keupayaan dan bakat semula jadi peserta untuk membolehkan mereka berdikari dan meningkatkan taraf kehidupan ternyata membuahkan hasil.

## Kisah Kejayaan Peserta Latihan Akademik *empower* ECER

### *empower* ECER Raub




Nor Kasirah a/p Karim dan Iniana a/p Mulan merupakan pelajar Orang Asli dari SMK Sungai Koyan yang telah berjaya mendapat 4A dan 3A serta lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan PMR baru-baru ini. ***empower* ECER** telah melatih mereka menguasai cara pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan. Kedua-dua mereka yang bercita-cita menjadi guru, tekun mengulang kaji dan aktif mengambil bahagian dalam program ***empower* ECER.**

### *empower* ECER Bachok



Kelas intensif Bahasa Inggeris anjuran ***empower* ECER** telah banyak memberi manfaat kepada Aini Hayati bt Ghazali. Kelemahan menguasai Bahasa Inggeris membuat beliau sering tertinggal dalam pelajaran. Beliau kini mampu menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dan program ***empower* ECER** telah membantu beliau mendapat 5A dalam UPSR 2013 dan mendorong beliau untuk terus maju.

### *empower* ECER Jeli




Ahmad Ahadi bin Yahya mendapat banyak pengetahuan dan kemahiran melalui program akademik ***empower* ECER**. Teknik pembelajaran berkesan telah memberi keyakinan kepadanya untuk mendapat keputusan 6A dalam PMR.

## *empower* ECER Kemaman



Program ***empower* ECER** telah memberi manfaat kepada Nur Afiqah bt Yusof untuk mendapat 8A dalam peperiksaan PMR. Beliau telah meningkatkan prestasi menerusi Seminar Pecutan Akhir PMR dan program pembangunan sahsiah yang dianjurkan oleh ***empower* ECER**.

## *empower* ECER Mersing




Mohd Riduan bin Alias mampu membuktikan yang kemiskinan bukanlah penghalang baginya mencipta kejayaan membanggakan. Beliau yang mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR tahun 2013, merupakan seorang pelajar yang lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris terutamanya dalam aspek sebutan dan ejaan. Namun begitu, dengan sokongan dan bantuan yang diberikan melalui program ***empower* ECER**, Riduan berjaya menguasai bahasa tersebut.

## *empower* ECER Cameron Highlands




Nor Azah a/p Din merupakan seorang pelajar Orang Asli yang mendapat 4A dalam peperiksaan UPSR. Ini kerana bimbingan dan motivasi yang diberikan oleh ***empower* ECER.** Kemiskinan bukan penghalang kejayaan. Beliau sangat berterima kasih kepada ***empower* ECER** dan ECERDC.

# Kisah Kejayaan Peserta Latihan & Kemahiran *empower* ECER

## *empower* ECER Bentong



Penyakit darah beku kronik di kaki yang dihadapi oleh suaminya telah memaksa Amira Umaira Teng Abdullah untuk berusaha mencari pendapatan yang lebih bagi menampung keperluan seharian keluarganya. Beliau yang berasal dari Kelantan telah memulakan perniagaan dengan mengambil tempahan kek, roti, bahulu dan kuih-muih dari penduduk kawasan sekitar dengan purata pendapatan sebanyak RM600-RM700 sebulan. Melalui Latihan Kemahiran & Keusahawanan ***empower* ECER** Amira kini berjaya meraih pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan.

## *empower* ECER Temerloh



Walaupun Mohana Vali a/p Sellandi telah hilang sebelah kakinya akibat kemalangan jalan raya, ia tidak langsung memberi kesan negatif terhadap dirinya. Mohana telah mengambil keputusan untuk menyertai Kursus Jahitan dan Rekaan, anjuran ***empower* ECER** di Temerloh. Berkat usahanya, Mohana kini mengambil tempahan secara konsisten dan meningkatkan pendapatan daripada RM300 sebulan yang diterima dari Badan Kebajikan Masyarakat, dengan menjana pendapatan tambahan sebanyak RM500 sebulan. Pada musim perayaan, pendapatan beliau boleh mencecah sehingga RM800.

## *empower* ECER Lipis



Bagi menampung kos pembelajaran tiga orang anaknya di universiti, Faridah bt Ahmad membantu suaminya yang bekerja sebagai pekerja am di sebuah ladang getah dengan mengambil upah menjahit secara kecil-kecilan. Pendapatan tidak seberapa yang diperolehnya menyebabkan Faridah tidak teragak-agak untuk menyertai program ***empower* ECER**. Melalui program ini Faridah mempertingkatkan kemahiran jahitan serta mendapat bimbingan perniagaan secara percuma. Hasilnya, kini Faridah mampu memperoleh pendapatan sebanyak RM500 sebulan dan mampu mencecah sehingga RM800.

ECERDC akan terus memainkan peranan dalam membangunkan modal insan di ECER agar rakyat dapat memberikan sumbangan dan memainkan peranan aktif dalam proses transformasi Wilayah ini. Program sebegini ternyata memberi impak yang sangat besar kepada rakyat di ECER dari segi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan di Wilayah ini, sekali gus meningkatkan lagi pendapatan mereka.

## *empower* ECER Cameron Highlands



Ghayathry a/p Karpayarsamy mempunyai minat yang amat mendalam terhadap seni andaman sejak berumur 16 tahun lagi. Namun, akibat kemiskinan dan peluang belajar yang terhad, beliau terpaksa memendamkan minatnya itu. Setelah menyertai kursus yang disediakan secara percuma oleh ***empower* ECER**, beliau telah mendapat sinar baharu untuk membina kehidupannya. Bermula dengan membuka perniagaan andaman secara kecil-kecilan, kini beliau mampu menyewa sebuah lot kedai di Lavendar Garden untuk menjalankan perniagaan Henna atau seni lukisan inai. Beliau kini menjana pendapatan sebanyak RM1,500.

## *empower* ECER Dungun



Menyara 10 orang anak bukanlah perkara yang mudah. Sarimah bt Mamat telah mengambil inisiatif dengan menyertai kursus yang dianjurkan oleh ***empower* ECER** dan seterusnya menggunakan pengetahuan yang diperoleh serta kebolehan beliau dalam menjahit sebagai sumber pendapatan. Dengan usaha gigihnya, Sarimah telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM2,000-RM2,500 sebulan dan beliau mampu menghantar anaknya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

## *empower* ECER Kuala Pahang



Berbekalkan minat, keazaman dan komitmen yang tinggi, Mohd Zamirul bin Mohd Fadzilah berjaya membuka bengkel membaiki kereta di sebuah premis kedai. Bengkel tersebut adalah satu pencapaian yang patut dibanggakan. Beliau yang sebelum ini mengikuti latihan kemahiran dalam penyelenggaraan kenderaan yang dilaksanakan oleh program ***empower* ECER**, telah menggunakan sepenuhnya setiap ilmu yang diperoleh dalam menguruskan bengkel membaiki kenderaan miliknya.

## Program Pembangunan Keusahawanan ECER (EEDP)



*Peserta EEDP*

Program ini bermatlamat untuk meningkatkan penglibatan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) serta pengusaha Industri Kecil Sederhana (IKS) dalam pelbagai projek yang dijalankan di ECER. EEDP terdiri daripada dua komponen utama iaitu bantuan bimbingan dengan kerjasama SIRIM Berhad dan bantuan pembiayaan kewangan dengan kerjasama AGROBANK.

### PROGRAM EEDP-AGROBANK

Sejak dilancarkan pada tahun 2012, sejumlah 742 usahawan telah mendapat manfaat daripada program ini. Daripada jumlah ini, seramai 681 usahawan telah mendapat manfaat pada tahun 2013. Kebanyakan usahawan mikro terbabit telah berjaya meluaskan perniagaan mereka dengan bantuan pinjaman di bawah program EEDP-AGROBANK. Antara perniagaan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Pertanian dan produk halal
- Pembuatan makanan
- Perniagaan perkhidmatan
- Borong dan runcitan

### PROGRAM EEDP-SIRIM

Sehingga tahun 2013, seramai 28 usahawan telah terpilih untuk mengikuti program bimbingan keusahawanan EEDP-SIRIM. Antara bimbingan yang diterima adalah dalam bentuk pembangunan produk, penjenamaan dan pemasaran, pengukuhan rangkaian



*Usahawan EEDP bersama barangan yang dihasilkan*

perniagaan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Perkembangan perniagaan usahawan sentiasa dipantau untuk memastikan adanya penambahbaikan dan keupayaan untuk bertahan dalam perniagaan yang mereka ceburi. Kebanyakan usahawan berjaya memperoleh peningkatan pendapatan jualan sekurang-kurangnya 25% setahun setelah mengikuti program ini. Selain itu, 28 jenama produk usahawan juga telah berjaya didaftarkan di MyIPO dan enam usahawan berjaya memperoleh persijilan HALAL Malaysia hasil daripada bimbingan yang diberikan.

Dari segi perkembangan pemasaran produk, ada di antara usahawan yang telah berjaya menembusi pasaran luar negara seperti China, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Thailand.

## KEJAYAAN USAHAWAN EEDP

**1. NATRAMAS ENTERPRISE, Mersing, Johor**
Natrah Bedak

**Kejayaan:**

- Peningkatan jualan sebanyak 80% daripada jualan bulanan asal iaitu RM10,000
- Pasaran: Sawari FELDA, D-Mart FELDA Trading, Rumah Anak-anak Yatim Mersing, Johor.

**Testimoni:**
"Program Pembangunan Keusahawanan ECER-SIRIM sememangnya banyak membantu saya dalam meningkatkan lagi penampilan produk saya terutamanya produk jejari udang, kordial dan halwa roselle yang banyak mendapat tempat di hati pelanggan. Kini produk saya telah dipasarkan di China, Dubai dan beberapa negara di Timur Tengah dengan kaedah pembungkusan yang baru."



## KEJAYAAN USAHAWAN EEDP

**2. MITRA FOOD SDN. BHD., Kota Bharu, Kelantan**
Roslaimi Ariffin




**Kejayaan:**

- Peningkatan jualan sebanyak 47%
- Pasaran: menguasai pasaran di 700 kedai runcit dan restoran di seluruh Kelantan
- Mempunyai pengedar di seluruh Malaysia dan terbaru di Sabah dan Sarawak

**Testimoni:**

"Kursus yang diadakan banyak memberi manfaat dan bimbingan kepada saya terutama dalam mempromosi dan meluaskan pemasaran produk. Pembungkus produk yang baharu lebih menarik minat pelanggan untuk mencuba produk saya. Kini produk saya telah berjaya dipasarkan ke Sabah dan Sarawak dan juga luar negara terutama di Selatan Thailand (Narathiwat dan Songkhla). Hasil pendapatan syarikat saya juga meningkat."

## KEJAYAAN USAHAWAN EEDP

**3. AYUSRI ENTERPRISE, Kota Bharu, Kelantan**
Ayusri Mohd Ashri



**Kejayaan:**

- Peningkatan jualan sebanyak 58%
- Pasaran: mensasarkan produk kepada lebih 200 kedai-kedai makan dan kedai runcit di sekitar negeri Kelantan
- Berjaya memasarkan produk ke 50 koperasi sekolah di sekitar negeri Kelantan
- Memasarkan produk ke 200 kedai makan dan warung di sekitar Kuala Terengganu
- Membuka kilang kedua di Pasir Tumboh, Kelantan yang bakal siap pada Mei 2014

**Testimoni:**

"Saya banyak menimba ilmu semasa menjalani program yang disediakan terutama dalam penampilan produk dan mencari pasaran baru. Alhamdulillah kini perniagaan saya semakin maju dan produk saya mendapat permintaan tinggi dengan purata peningkatan sebanyak 58%."

## KEJAYAAN USAHAWAN EEDP

**4. SRI LILY ENTERPRISE, Kota Bharu, Kelantan**
Wan Asma Lailee Wan Aziz




**Kejayaan:**

- Peningkatan jualan sebanyak 50%
- Memperoleh Sijil Halal pada 1 Mac 2012
- Memperoleh Sijil MeSTI pada 18 Disember 2012
- Peluasan pasaran di mana dahulu hanya atas permintaan dan sekarang mendapat tawaran masuk ke Pasaraya Mydin, dua Agro Bazar, 10 agen pengedar dan menembusi pasaran di Selangor, Pulau Pinang dan Johor
- Pasaran: Kelantan, Terengganu dan Pahang

**Testimoni:**
"Syukur kerana Program Pembangunan Keusahawanan ECER-SIRIM banyak membantu dalam memasarkan produk saya. Alhamdulillah, hasil pengeluaran produk saya terutama Martabak Raja meningkat dan kini syarikat saya memerlukan sekurang-kurangnya tambahan 10 pekerja bagi menampung permintaan yang tinggi. Terima kasih kepada ECER di atas program yang dijalankan."

## KEJAYAAN USAHAWAN EEDP

**5. H.H LARIS ENTERPRISE, Setiu, Terengganu**
Hajah Hasmah Hassan



**Kejayaan:**

- Memperoleh Sijil Halal pada 1 Mac 2013
- Memperoleh Sijil MeSTI pada 23 Mei 2013
- Peluasan pasaran ke pasaraya-pasaraya besar seperti Giant, Tesco
- Terkini - Produk berjaya dipasarkan di Pulau Pinang

**Testimoni:**
"Program yang dijalankan banyak membantu dalam mendapatkan persijilan HALAL dan pengiktirafan MeSTI. Hasil pengeluaran meningkat dan mampu memenuhi permintaan yang semakin banyak."



*Pusat Pembinaan Dan Penyelenggaraan Bot (BBRC)*

## PUSAT PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN BOT (BBRC)

Pada 13 Oktober 2013, Pusat Pembinaan dan Penyelenggaraan Bot (BBRC) di Mersing telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Dengan kerjasama GIATMARA, pusat ini telah diberi peluang untuk melatih pelajar-pelajar membaiki dan membina bot berasaskan kayu. Di samping itu, pusat ini telah menjadi pusat inkubator bagi membimbing enam graduan dalam bidang perniagaan membuat dan membaiki bot.

## TERMINAL JAHITAN

Dengan kerjasama GIATMARA, program ini telah menyediakan kepakaran dari segi latihan dan operasi pusat jahitan. Ditubuhkan pada tahun 2010, terminal jahitan telah memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan dengan menerima pelbagai tempahan jahitan dari agensi-agensi Kerajaan, sekolah-sekolah dan koperasi-koperasi.

Sehingga tahun 2013, pusat ini telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 12 penduduk Mersing yang memperoleh pendapatan sehingga RM1,000 sebulan. Mereka yang terpilih untuk menjalani latihan dan bekerja di sini ialah golongan belia yang menganggur dan ibu tunggal. Lima daripada pelatih di Terminal Jahitan ini telah berjaya muncul sebagai usahawan berjaya dengan pendapatan melebihi RM1,000 sebulan.



*Terminal Jahitan*



*Peserta Suri@Home sedang menenun songket*

## PROGRAM SURI@HOME

Program ini menyasarkan golongan suri rumah dan ibu tunggal bagi meningkatkan pendapatan mereka serta melahirkan lebih ramai usahawan wanita yang beroperasi dari rumah. Mereka melaksanakan aktiviti menenun di Pahang, tenunan songket di Terengganu serta penghasilan baja vermikompos di Kelantan. Jumlah peserta Suri@Home pada tahun 2013 adalah seramai 28 orang.

Mereka mendapat pendapatan tambahan sehingga RM2,000 sebulan bergantung pada kerajinan dan inisiatif mereka. Berdasarkan impak yang memberangsangkan ini, ECERDC akan meneruskan program ini dengan melibatkan lebih ramai peserta di kalangan suri rumah di ECER.

## PROGRAM PENINGKATAN BAKAT NEGARA (NTEP)

NTEP merupakan salah satu program yang telah dikenalpasti di bawah Inisiatif Pemulihan Strategik yang bertujuan untuk membangunkan modal insan di negara ini dan secara tidak langsung memberikan peluang yang lebih cerah untuk mereka mendapat pekerjaan. Sasarannya ialah 100% peserta mendapat pekerjaan.

Pada tahun 2013, seramai 64 graduan lagi telah ditempatkan di Kaneka (M) Sdn. Bhd., yang merupakan salah satu pelabur utama di ECER. Kesemua pelatih yang terpilih diberi latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat tersebut selama enam bulan mengikut bidang kejuruteraan masing-masing. Latihan mereka dijangka tamat pada April 2014.




*Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS)*

## PROGRAM TERAJU@ECER

ECERDC dengan kerjasama TERAJU meningkatkan lagi pelaksanaan program Agenda Bumiputera. Program yang dikenali sebagai TERAJU@ECER ini telah membantu syarikat swasta Bumiputera melalui dua mekanisme iaitu program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) dan pemberian geran Dana Mudahcara *(Facilitation Fund)*.

Program TeraS adalah bertujuan meningkatkan penglibatan syarikat milik Bumiputera dalam ekonomi, dan mempercepatkan pertumbuhan serta daya saing dalam pasaran. Syarikat TeraS layak untuk mendapat sokongan dari segi:

- Pembiayaan pinjaman mudah dan latihan
- Peluang perolehan dari Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Peluang perolehan dari Kerajaan



*Syarikat Bumiputera di bawah Program Dana Mudahcara*

Pada tahun 2013, sejumlah 48 syarikat telah terpilih menjadi syarikat TeraS. Syarikat–syarikat yang terpilih ini berperanan sebagai syarikat induk dalam membantu pertumbuhan perniagaan syarikat-syarikat yang lebih kecil.

Manakala melalui Dana Mudahcara, geran diberikan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang melaksanakan projek dalam sektor seperti minyak & gas, pembinaan, pertanian, industri halal dan pemprosesan makanan. Untuk melayakkan sesebuah syarikat tersebut mendapatkan geran, nilai projek yang diusahakan mestilah bernilai RM5 juta hingga RM50 juta. Nilai geran yang diberi adalah 15% daripada kos projek atau berjumlah RM7.5 juta (yang mana lebih rendah).

Sebanyak 17 buah syarikat telah berjaya memperoleh geran ini dan nilai projek yang diluluskan di ECER ialah sebanyak RM420 juta. Nilai keseluruhan geran yang telah diluluskan ialah RM60 juta.




*Pertukaran Dokumen ECER dan Syarikat Bumiputera di bawah Program Dana Mudahcara*

## TERAS *Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi*




## DANA MUDAHCARA

| NEGERI | PAHANG | MERSING, JOHOR | TERENGGANU | KELANTAN |
|---|---|---|---|---|
| Bilangan Syarikat | 6 | 1 | 6 | 4 |
| Dana | RM21.0 juta | RM4.9 juta | RM21.2 juta | RM10.6 juta |
| Pelaburan | RM149.0 juta | RM33.2 juta | RM153.3 juta | RM84.0 juta |

Syarikat **17**

Pelaburan **RM420 juta**

Dana **RM60 juta**


JENGKA SENTRAL

# PROJEK KHAS:
## Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ)



ECERDC diamanahkan untuk mengurus Dana Khas yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangun dan menyelenggara kawasan yang dahulunya berada di bawah seliaan DARA dan LKWJ di Pahang. Ia bertujuan membangun, mengendali, menyelenggara dan melaksanakan projek-projek strategik untuk manfaat penduduk setempat.

## PROJEK KHAS: Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ)




*Jeti Pelancongan Taman Negara Kuala Tahan*

Dari tahun 2010 hingga 2013, sebanyak 448 projek dengan peruntukan RM200 juta telah diluluskan di bawah inisiatif Peruntukan Khusus untuk pelaksanaan projek infrastruktur dan sosioekonomi di kawasan bekas Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) di ECER merangkumi projek strategik, infrastruktur, kemudahan awam, penyelenggaraan dan operasi serta kampung tradisi. Berikut adalah pecahan projek yang telah dilaksanakan sehingga Disember 2013.



*Naik taraf kemudahan awam di Majlis Daerah Jerantut, Pahang*



*Lampu isyarat di persimpangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang, salah satu projek 2013*

## Senarai Projek Bagi Tahun 2013

| Daerah | Jumlah Penduduk | Strategik | Kemudahan Awam | Infrastruktur | Penyelenggaraan & Operasi | Kampung Tradisi | Status Projek | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Projek siap 2013 | Projek dalam pelaksanaan 2013/2014 | Jumlah Projek |
| Temerloh | 139,000 | | 2 | | | 7 | 8 | 1 | 9 |
| Bera | 89,000 | | 15 | 7 | 1 | | 21 | 2 | 23 |
| Maran | 31,000 | 1 | 13 | | | | 6 | 8 | 14 |
| Jerantut | 63,000 | | 61 | 16 | 2 | | 50 | 29 | 79 |
| Pekan | 82,000 | 2 | 13 | | | | 3 | 12 | 15 |
| Rompin | 130,000 | | 9 | | 1 | | 3 | 7 | 10 |
| **Jumlah** | **534,000** | **3** | **113** | **23** | **4** | **7** | **91** | **59** | **150** |

Projek-projek tersebut telah memberi manfaat kepada lebih 530,000 rakyat tempatan yang kini menikmati pelbagai kemudahan berikut:

- Peningkatan pendapatan dan taraf hidup;
- Peningkatan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya;
- Penaiktarafan kemudahan awam;
- Peningkatan kualiti modal insan; dan
- Peningkatan aktiviti-aktiviti keagamaan dan sosial.

Bagi tahun 2013, sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan di keenam-enam Majlis Perbandaran dan daerah di kawasan bekas DARA dan LKWJ. Ia menyasarkan pembangunan yang mampan dan keperluan operasi serta penyelenggaraan yang lebih terurus.

Pelaksanaan projek-projek strategik dan mikro di kawasan bekas DARA dan LKWJ telah berjaya meningkatkan kadar pembangunan, penyelenggaraan dan




*Kompleks Jengka Sentral, Maran*

operasi di kawasan tersebut berbanding sewaktu kewujudan DARA dan LKWJ dahulu.

Antara projek-projek strategik berimpak besar yang dilaksanakan ialah:

**Kompleks Terminal Pengangkutan Bersepadu Jengka Sentral - Maran**

Sebuah terminal pengangkutan awam bersepadu telah dibina di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran dan telah diserahkan kepada Majlis Daerah Maran pada 10 September 2013. Terminal ini dilengkapi dengan kemudahan awam untuk keselesaan penduduk tempatan termasuk keperluan Orang Kurang Upaya (OKU), pengusaha bas, teksi dan peniaga tempatan. Ia mempunyai sistem aliran trafik untuk bas (14 lorong), teksi (8 lorong) dan kenderaan awam yang sistematik untuk keselamatan dan keselesaan pengguna. Tiga operator bas dan 20 buah teksi telah pun beroperasi sepenuh masa bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam darat kepada pengguna.

Sebanyak 15 kedai runcit dan lima kedai menjual makanan telah memulakan perniagaan mereka di terminal ini.

Untuk tujuan rekreasi dan aktiviti riadah, sebuah pusat boling turut dibina dan akan beroperasi pada suku pertama tahun 2014.

**Pusat Penyelidikan & Inovasi Lembu Muadzam Shah - Rompin**

Pusat ini menempatkan kompleks pengeluaran dan pemprosesan susu segar, padang ragut seluas 240 hektar untuk ternakan berskala komersial serta Kompleks Latihan dan Pemindahan Teknologi yang akan membantu penyelidikan berimpak tinggi.



*Taman Negara Jerantut*

**Taman Negara – Jerantut**

ECERDC telah membiayai perbelanjaan penyelenggaraan tahunan yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Jerantut (MDJ) untuk meningkatkan kebersihan dan memulihkan keadaan di sekitar Taman Negara, serta menyediakan kemudahan awam untuk keselesaan pengunjung dan pelancong di kawasan penyeliaan MDJ. Pembiayaan untuk melaksanakan Kajian Pelan Pelaksanaan Strategik Taman Negara telah diperuntukkan. Kajian yang telah siap ini bertujuan menyediakan pelan pembangunan dan pengurusan yang komprehensif untuk Taman Negara secara keseluruhannya, bagi mengenalpasti projek-projek strategik yang berpotensi untuk dibangunkan bagi meningkatkan industri pelancongan.

**Pembinaan Bangunan F&B (Anjung Warisan) dan Kompleks Pemasaran Industri Kecil Sederhana (Serambi Pekan) - Pekan**

Bangunan F&B (Anjung Warisan) dan Kompleks Pemasaran Industri Kecil Sederhana (Serambi Pekan) ini bakal mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk sekitar dan sebagai pusat setempat untuk perniagaan jualan makanan dan juga pemasaran hasil kraftangan dan produk tempatan. Pembinaannya dijangka siap pada tahun 2014.

**Projek di Kampung-kampung Tradisi - Temerloh**

Bagi tahun 2013, tujuh lagi projek tambahan di Kampung-kampung Tradisi telah dilaksanakan. Antara kampung-kampung yang terlibat adalah Kampung Batu Sawar, Kampung Padang Lalang, Taman Seberang Temerloh, Kampung Tanjung Batu, Taman Jaya 2, Taman Jaya 3 dan Taman Jaya 4. Penambahbaikan dan pembinaan jalan baharu sepanjang 2 km telah disiapkan dan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya di tujuh buah kampung tersebut.

Peruntukan bagi membangunkan Kampung-kampung Tradisi ini terus disalurkan bagi memastikan penduduknya dapat merasai nikmat pembangunan seiring pembangunan pesat Bandar Temerloh.

Pembinaan jalan raya baharu ini memudahkan penduduk kampung



*Gelanggang Futsal di Majlis Daerah Jerantut*

berulang-alik ke bandar dan meningkatkan jaringan perhubungan di antara kampung-kampung yang bersebelahan serta meningkatkan kemudahsampaian dan keselamatan penduduk dengan adanya jalan yang lebih baik dan lebar.

**Projek Penyelenggaraan dan Operasi**

Aktiviti penyelenggaraan dan operasi pengindahan taman-taman rekreasi dan juga landskap di bandar-bandar kecil seperti di Bera, Jerantut, Maran dan Rompin juga termasuk dalam agenda pembangunan Projek Pemulihan Kawasan Bekas DARA dan LKWJ pada tahun 2013. Ini bagi memastikan pembangunan mampan dan selamat dapat dinikmati oleh rakyat, di samping meningkatkan nilai estetika kawasan untuk meningkatkan jumlah pelancong yang datang ke kawasan ini.

Antara projek penyelenggaraan dan operasi yang telah dilaksanakan sehingga tahun 2013 ialah program pencahayaan Bandar Jerantut, menaik taraf landskap Kuala Rompin dan Bandar Bera, pengindahan kawasan Kuala Tahan, Jalan Protokol Bandar Maran dan landskap di Pekan Sri Jaya.

Pembinaan lampu isyarat di persimpangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang di Bandar Tun Abdul Razak Jengka pula telah meningkatkan keselamatan dan mengurangkan kadar kemalangan di kawasan tersebut.




*Medan Selera di Maran*



*Dewan Komuniti di Jerantut*



*Taman Permainan di Kuala Rompin*



# PEMBANGUNAN MAMPAN: ALAM SEKITAR



Pelaksanaan pembangunan secara mampan di ECER menjadi teras kepada semua projek pembangunan yang dijalankan oleh ECERDC sejak ia ditubuhkan. Sehubungan dengan itu, ECERDC telah menggariskan satu dasar alam sekitar yang bermatlamat "memulihara alam sekitar dan memelihara budaya". Prinsip pembangunan mampan yang didokong adalah berdasarkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, serta sumbangan alam sekitar kepada masyarakat dan pembentukan nilai ekonomi.



*Taman Negara Endau-Rompin*

**Dasar Alam Sekitar ECERDC:**

ECERDC komited untuk:

- Mengekal dan memelihara kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan alam sekitar dan nilai pemuliharaan yang tinggi, serta merealisasi potensi sosioekonomi yang tersendiri bagi memudahkan pembelajaran dan penghargaan terhadap tapak-tapak tersebut, dan memastikan supaya sumber asli tidak berkurangan;
- Mewujud dan melaksanakan sistem pengurusan alam sekitar yang terperinci untuk perlindungan alam sekitar yang berkesan dalam semua inisiatif projek;
- Mengenal pasti dan mematuhi semua undang-undang alam sekitar, peraturan dan keperluan kontrak yang berkaitan dengan projek-projek;
- Menyokong penggunaan teknologi bersih bagi menggalakkan penggunaan sumber-sumber semula jadi secara optimum dan mampan;
- Mengambil tindakan yang perlu bagi pengurusan sisa dan pencegahan pencemaran serta mengurus dengan cekap sebarang kesan buruk terhadap alam sekitar di semua tapak projek; dan
- Memupuk kesedaran alam sekitar di kalangan pekerja kami dan menyediakan latihan yang mencukupi berhubung perkara-perkara berkaitan dengan perlindungan dan pengurusan alam sekitar.



*Setiu Wetlands*

## PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Menyedari akan kepentingan biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem di ECER, Pelan Induk ECER telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang memiliki biodiversiti tinggi dan mengalami tekanan akibat aktiviti ekonomi dan pembangunan yang tidak mampan, bagi tujuan penyediaan Pelan Pelaksanaan Strategik. Sejumlah lima kajian berkaitan telah dilaksanakan iaitu ke atas kawasan-kawasan Setiu Wetlands, Tanah Tinggi Lojing, Tasik Chini, Taman Negara dan Taman Negara Endau-Rompin dari 2009 hingga 2013.

Tiga langkah utama bagi memelihara dan memulihara kawasan-kawasan tersebut telah dicadangkan seperti berikut:

- Mewartakan kawasan-kawasan tersebut sebagai Taman Negeri;
- Mencadangkan Pelan Zon Pengurusan Khas bagi Taman-taman Negeri tersebut; dan
- Menubuhkan Perbadanan Taman Negeri di setiap negeri ECER dan Pejabat Satelit di setiap Taman Negeri, yang akan bertanggungjawab terhadap hal-hal pengurusan, pembangunan dan penyelidikan di kawasan-kawasan tersebut.

Cadangan-cadangan di atas telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC) di setiap negeri ECER dan juga Mesyuarat Majlis ECERDC.

Cadangan Carta Organisasi Perbadanan Taman Negeri Pahang




*Nota: Cadangan organisasi ini adalah terpakai bagi Perbadanan Taman Negeri Terengganu dan Perbadanan Taman Negeri Kelantan.*

Cadangan-cadangan yang telah dibentangkan dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC) di setiap negeri ECER dan juga Mesyuarat Majlis ECERDC adalah seperti berikut:

| Bil. | Kajian | Kelulusan Mesyuarat ICC | Kelulusan Mesyuarat Majlis ECERDC | Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kawasan Pengurusan Khas Tanah Tinggi Lojing, Kelantan | Kelantan 19 November 2013 | 16 Disember 2013 | 29 Disember 2013 |
| 2. | Pelan Zon Pengurusan Setiu Wetlands, Terengganu | Terengganu 7 November 2013 | 16 Disember 2013 | Suku pertama 2014 |
| 3. | Pelan Zon Pengurusan Rizab Biosfera Tasik Chini, Pahang | Pahang 18 Oktober 2013 | 16 Disember 2013 | Suku keempat 2014 |
| 4. | Pelan Zon Pengurusan Taman Negara Pahang, Terengganu & Kelantan | Pahang 18 Oktober 2013<br>Terengganu 7 November 2013<br>Kelantan 19 November 2013 | 16 Disember 2013 | Suku kedua 2014 |
| 5. | Pelan Zon Pengurusan Taman Negara Endau–Rompin, Pahang | Pahang 18 Oktober 2013 | 16 Disember 2013 | Suku keempat 2014 |



*Hutan Hujan Tropika tertua di dunia di Taman Negara*



*Gunung Stong, Gua Musang, Kelantan*

### Taman Negara

Taman Negara terletak di antara sempadan tiga negeri iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ia merupakan Hutan Hujan Tropika tertua di dunia, iaitu lebih kurang 130 juta tahun, serta mempunyai pelbagai biodiversiti yang terdiri daripada haiwan mamalia seperti harimau, tenuk, gajah, pelanduk, seladang dan spesies ikan yang jarang ditemui seperti ikan kelah.

ECERDC telah mengambil langkah untuk menyediakan Pelan Pelaksanaan Strategik (SIP) yang mencadangkan pelbagai strategi dan pelan tindakan untuk memastikan Taman Negara diiktiraf sebagai Tapak Warisan Negara Malaysia dan disenaraikan sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia menjelang tahun 2020. Pelan Pelaksanaan Strategik ini kini sedang dalam peringkat Laporan Draf Akhir dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2014.

### KELANTAN

Pada November 2013, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Negeri Kelantan telah meluluskan cadangan penubuhan Perbadanan Taman Negeri Kelantan yang akan menguruskan semua Taman Negeri di Kelantan, termasuk Tanah Tinggi Lojing dan Taman Negara Kelantan.

### Tanah Tinggi Lojing

Tanah Tinggi Lojing, Kelantan yang meliputi kawasan seluas 181,700 hektar merupakan kawasan sensitif alam sekitar yang juga berfungsi sebagai kawasan tadahan penting bagi negeri Kelantan. Ia juga merupakan kawasan penempatan masyarakat Orang Asli dari suku kaum Temiar dengan tujuh kawasan penempatan utama yang dipanggil "Pos" seperti Pos Brooke, Pos Hendrop, Pos Tuel, Pos Blau, Pos Hau, Pos Balar



*Setiu Wetlands*

dan Pos Kuala Betis. Selaras dengan itu, visi pembangunan Tanah Tinggi Lojing adalah untuk mempromosikan interaksi dinamik di antara masyarakat dan alam sekitar, pembangunan ekonomi dan pemuliharaan ekologi.

Kajian Pelan Pengurusan Bersepadu Alam Sekitar (IEMP) Tanah Tinggi Lojing telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kelantan untuk dilaksanakan di peringkat negeri.

## TERENGGANU

Pada 7 November 2013, Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Negeri Terengganu telah meluluskan cadangan untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Terengganu yang akan menguruskan semua Taman Negeri di Terengganu melalui penubuhan Pejabat Satelit di setiap Taman Negeri termasuk Setiu Wetlands, Tasik Kenyir dan Taman Negara.

### Setiu Wetlands

Setiu Wetlands merupakan satu-satunya lokasi di Malaysia yang menempatkan pelbagai jenis ekosistem yang saling berhubung kait di dalam satu lokasi. Antara habitat semula jadi di sini termasuk lautan, pantai, dataran lumpur, lagun, muara, sungai, pulau, hutan pesisir pantai dan paya bakau. Setiu Wetlands juga merupakan antara habitat terakhir bagi populasi spesies sangat terancam dan terancam seperti tuntung laut, tuntung sungai, buaya jenjulung dan penyu agar.

Pada tahun 2013, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah mengemukakan tanah Kerajaan berkeluasan 1,350 hektar di Setiu Wetlands kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu untuk diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal sebagai langkah awal pengisytiharan Setiu Wetlands sebagai Taman Negeri. Pelbagai pihak berkepentingan seperti jabatan/agensi Kerajaan Negeri dan



*Hutan Heath Terengganu*

Persekutuan, Institusi Awam seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), wakil penduduk tempatan di sekitar Setiu Wetlands, dan Badan Bukan Kerajaan seperti Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) dan World Wide Fund for Nature (WWF) telah bersetuju dengan cadangan mewartakan Setiu Wetlands sebagai Taman Negeri Terengganu, dan keperluan menguruskannya dengan mampan dan menyeluruh.

**Tasik Kenyir**

Tasik Kenyir merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Malaysia, dan berperanan sebagai takungan air di negeri Terengganu. Ia juga merupakan tarikan pelancong yang terkenal, khususnya bagi para pemancing ikan air tawar dan pencinta alam. Pengunjung Tasik Kenyir juga boleh ke Taman Negara dengan menaiki bot melalui pintu masuk di Tanjung Mentong yang terletak di tebing selatan takungan ini.

Pelan Induk ECER telah mencadangkan supaya Tasik Kenyir dan kawasan sekitarnya, termasuk Hutan Simpan Tembat, Petuang, dan Hulu Terengganu, diwartakan sebagai Taman Negeri Terengganu dengan objektif untuk memelihara biodiversiti, menyelenggara kualiti air takungan, dan mempromosikan pelancongan. Pengurusan Taman Negeri Tasik Kenyir juga akan diletakkan di bawah Perbadanan Taman Negeri Terengganu.

**Hutan Heath Terengganu**

Hutan Heath merupakan hutan yang mana tanahnya berpasir, berasid, bernutrisi rendah dan mempunyai humus atau bahan organik yang mengalami pereputan yang amat perlahan di lapisan tanah atas. Uniknya di Terengganu, Hutan Heath boleh ditemui di permatang di pesisir pantai, terutamanya di sekitar Setiu Wetlands dan Rantau Abang. Walau bagaimanapun, akibat kurang kesedaran tentang kepentingannya, hutan ini semakin terancam dengan kepupusan.




*Makmal Kajian Air Tawar Tasik Chini*

Pada 2013, ECERDC telah bekerjasama dengan sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO), Landskap Malaysia dengan bantuan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi menggerakkan usaha mewartakan Hutan Heath sebagai Hutan Simpan Kekal. Antara langkah yang dicadangkan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Heath termasuk mengadakan satu seminar yang akan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan Hutan Heath yang dijadualkan pada pertengahan tahun 2014.

## PAHANG

Pada 18 Oktober 2013, Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Negeri Pahang telah meluluskan cadangan penubuhan Perbadanan Taman Negeri Pahang yang akan menguruskan semua Taman Negeri di Pahang termasuk Tasik Chini, Taman Negara Pahang dan Taman Negara Endau-Rompin Pahang.

### Rizab Biosfera Tasik Chini

Tasik Chini telah diwartakan sebagai Kawasan Warta Tasik Chini semenjak tahun 1989, dan pada tahun 2008, ia telah diisytiharkan sebagai Rizab Biosfera (UNESCO). Selaras dengan pengisytiharan tersebut, Kerajaan Negeri Pahang telah mengambil langkah untuk mewartakan secara formal kawasan Tasik Chini sebagai Taman Negeri. ECERDC telah menyediakan Pelan Pelaksanaan Strategik sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri untuk menguruskan Taman Negeri Tasik Chini.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan Pelan Tindakan Pemuliharaan Tasik Chini yang akan memantau pelaksanaan langkah-langkah yang diambil bagi memulihara dan memelihara Tasik Chini termasuk penubuhan Perbadanan Taman Negeri



*Tasik Chini*

Pahang. Pada tahun ini, Jawatankuasa tersebut turut memutuskan supaya projek-projek pemuliharaan Tasik Chini diberi keutamaan untuk dilaksanakan di bawah RMKe-11 (Rancangan Malaysia Ke-11).

## DAERAH MERSING, JOHOR

### Taman Negara Endau-Rompin

Taman Negara Endau Rompin (TNER) yang terletak di sempadan negeri Pahang dan Johor merupakan taman negara kedua terbesar di Semenanjung Malaysia, di mana ia turut tersenarai di dalam Pelan Induk jaringan kawasan *Central Forest Spine* (CFS). Taman ini mempunyai keunikan biodiversiti yang tersendiri yang terdiri daripada 60 spesies mamalia, termasuk spesies terancam seperti Tenuk Malaya, dan Harimau Malaya, 253 spesies burung, 43 spesis ikan air tawar dan 26 spesies pokok endemik.

Satu Pelan Pelaksanaan Strategik untuk membangunkan potensi pelancongan di Taman Negara Endau-Rompin terdapat di dalam lingkungan rangka kerja pengurusan mampan. Pelan Pelaksanaan Strategi kini sedang dalam peringkat laporan draf akhir dan dijangka siap sepenuhnya pada awal 2014.

Pengurusan Taman Negara Endau-Rompin Johor berada di bawah Perbadanan Taman Negeri Johor, manakala bagi Taman Negara Endau-Rompin Pahang, ia akan diletakkan di bawah Perbadanan Taman Negeri Pahang seperti Taman Negara dan Taman Negeri Tasik Chini.



# INFRASTRUKTUR




Kemudahan infrastruktur yang terdapat di ECER giat dipertingkatkan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan memberi kemudahan kepada masyarakat setempat.



*Majlis Perasmian Peluasan Pelabuhan Kuantan*

Sejak tahun 2008, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.8 bilion bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur di ECER. Pada tahun 2013, antara projek utama yang mendapat perhatian ialah pelancaran projek Peluasan Pelabuhan Kuantan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 7 September 2013 serta penyerahan Loji Rawatan Air Panching, Kuantan kepada Kerajaan Negeri Pahang pada tarikh yang sama.

**Peluasan Pelabuhan Kuantan**

Projek bernilai RM4 bilion ini dijangka akan dapat menyediakan 220,000 peluang pekerjaan keseluruhan menjelang 2020 yang mana 1,352 daripadanya adalah peluang pekerjaan di pelabuhan itu sendiri. Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan bagi membina tembok pemecah ombak dan prasarana luaran, sementara RM3 bilion dilaburkan oleh Kuantan Port Consortium yang merupakan syarikat usahasama IJM Corporation Berhad dan Guangxi Beibu International Port Group (GBIPG) untuk kerja-kerja pengerukan induk *(capital dredging)*, penebusgunaan dan penyediaan tanah untuk pembangunan, pembinaan dermaga baharu, struktur bangunan dan kemudahan operasi, jentera dan peralatan serta penyediaan prasarana dalaman.

Pembinaan sebuah tembok pemecah ombak baharu sepanjang 4.7 km akan membentuk sebuah lembangan terlindung bagi pembinaan sebuah terminal laut dalam yang baharu. Ianya merupakan antara struktur pemecah ombak yang terpanjang di rantau ini



*Bangunan Loji Rawatan Air Panching*

yang dibina menggunakan teknologi terkini. Dengan adanya lembangan terlindung ini, kapal-kapal akan dapat berlabuh sepanjang tahun. Terminal laut dalam yang baharu ini mampu menarik kapal bermuatan besar sehingga 200,000 DWT. Apabila ia siap kelak pada hujung tahun 2015, kapasiti pelabuhan ini juga akan meningkat kepada 52 juta FWT kargo pukal dan kontena.

Selain memenuhi keperluan Zon Ekonomi Khas ECER, peningkatan taraf pelabuhan ini juga akan menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian di ECER serta menyerlahkan potensi sebenar kawasan pedalaman ECER yang kaya dengan pelbagai sumber asli. Projek ini juga akan menarik lebih ramai pelabur ke Wilayah ini, dan mewujudkan lebih banyak industri sokongan yang akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Peluasan Pelabuhan Kuantan juga akan memacu pertumbuhan Bandar Pelabuhan Kuantan serta bakal menjana perkembangan industri-industri berkaitan pelabuhan dan logistik di sini. Kedudukannya yang strategik yang menghadap Laut China Selatan dan berada di tengah-tengah rangkaian laluan perkapalan paling sibuk di dunia, akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang unggul, terutamanya bagi membuka ruang perniagaan ke negara-negara ASEAN dan Asia Pasifik.

Pelabuhan ini juga merupakan salah satu pemangkin utama bagi pembangunan Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP) yang terletak kira-kira sepuluh kilometer dari sini. MCKIP merupakan taman berkembar kepada Taman Industri China-Malaysia Qinzhou yang mana GBIPG merupakan salah satu pelabur utama. GBIPG juga merupakan operator kepada empat buah pelabuhan utama di China dan kerjasama ini akan mewujudkan sinergi di antara Pelabuhan Kuantan dan pelabuhan-pelabuhan utama di negara China.

**Utiliti**

Loji Rawatan Air Panching di Pahang telah pun siap sepenuhnya dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pada 7 September 2013. Loji ini dibina selepas analisis keperluan air di persekitaran Kuantan yang dijalankan pada tahun 2010 mendapati bahawa Loji Rawatan Air Semambu, yang ketika itu berkapasiti 400 juta liter sehari (MLD),



*Loji Rawatan Air Panching*

hanya mampu untuk membekalkan air terawat ke kawasan bekalan sehingga tahun 2013. Dengan adanya Loji Rawatan Air Panching yang berkapasiti 160 MLD berserta penaiktarafan Loji Rawatan Air Semambu, ia akan dapat membekalkan keperluan air terawat ke sekitar Kuantan dan Bandar Pelabuhan Kuantan sehingga tahun 2025.

Peningkatan bekalan air yang stabil ke kawasan-kawasan terlibat dijangka akan dapat mengukuhkan kedudukan Bandar Pelabuhan Kuantan sebagai hab logistik dan perdagangan yang dinamik dan bekalan air terawat ini juga mampu memberi manfaat kepada 140,000 orang penduduk di kawasan yang terlibat.

Bagi meningkatkan kapasiti simpanan air di Kawasan Perindustrian Gebeng pula, tiga buah tangki simpanan air bertingkat R2 dan R8 sedang dibina dan dijangka akan siap pada bulan Julai 2015. Apabila siapnya pembinaan tangki simpanan air ini, kapasiti bekalan air terawat di kawasan perindustrian Gebeng akan melonjak ke satu hari, berbanding hanya setengah hari buat masa ini.

Bagi memenuhi keperluan bekalan air di kawasan perindustrian yang sedang pesat membangun di daerah Pekan pula, sebuah loji rawatan air juga akan dibina. Pembinaan Loji Rawatan Air Ganchong yang berkapasiti 160 MLD dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2014. Ia bakal membekalkan air ke daerah Pekan yang meliputi kawasan Perindustrian Peramu, Universiti Malaysia Pahang serta penduduk tempatan yang tinggal di daerah Pekan. Selain itu, loji ini juga mempunyai kapasiti dan berpotensi untuk membekalkan air ke bandar Pekan hingga ke Tanjung Agas dan Nenasi.

### Projek Perlindungan Pantai Teluk Lipat

Pantai Teluk Lipat yang terletak di daerah Dungun, Terengganu telah mengalami hakisan yang teruk dan



*Projek Perlindungan Pantai Teluk Lipat*

kerja-kerja perlindungan pinggir laut di kawasan ini bertujuan untuk melindungi pantai tersebut daripada hakisan ombak. Pada tahun yang dilaporkan, pembinaan tanjung tinggi tiruan *(artificial headland)* yang melindungi sepanjang 1.5 km pantai tersebut telah 80% siap. Ia dijangka akan siap sepenuhnya pada Januari 2015. Pembinaan tiga tanjung tinggi tiruan tersebut mampu melindungi pantai ini daripada terus terhakis dan dapat membentuk pinggir pantai yang baharu secara semula jadi, yang akan menjadi satu lagi tarikan pelancong ke daerah Dungun.

Kerja-kerja perlindungan yang sedang giat dijalankan merupakan sebahagian daripada pelan jangka panjang untuk membangunkan bandar Dungun sebagai sebuah destinasi pelancongan pesisir pantai yang akan dilengkapi dengan hotel peranginan, pusat kraf, plaza runcit, kawasan makanan laut *(seafood drive)* dan kawasan *promenade*. Pembangunan yang dilaksanakan ini dijangka akan mewujudkan peluang keusahawanan untuk penduduk tempatan dan syarikat swasta, 8,400 peluang pekerjaan serta Pendapatan Negara Kasar berjumlah RM1 bilion menjelang tahun 2020. Selain itu, ia juga dijangka dapat menarik pelaburan swasta bernilai RM1.5 bilion ke kawasan ini.

**Jalan Penghubung Bandar Pelabuhan Kuantan (KPC Port Link Road)**

Reka bentuk Pakej 1 KPC Port Link Road yang akan menghubungkan Pelabuhan Kuantan dengan Lebuhraya Pantai Timur Fasa II telah siap pada pertengahan 2013. Tujuannya ialah untuk menyediakan laluan pantas dan efisien antara Lebuhraya Pantai Timur dan Pelabuhan Kuantan terutamanya bagi pengguna Pelabuhan Kuantan. Ia akan meningkatkan penggunaan Pelabuhan ini dan antara pengguna yang akan mendapat manfaat ialah MCKIP yang mempunyai hubungan jalan terus ke Pelabuhan Kuantan. Projek ini melibatkan beberapa komponen pembinaan iaitu Persimpangan Intan Bertingkat ke MCKIP, menaik taraf Persimpangan Bertingkat Sungai Ular, pembinaan Jalan Susur MCKIP dan jalan Penghubung Utara dari Jalan Pintas Gebeng ke Lebuhraya Pantai Timur.

Tiga komponen pembinaan iaitu Persimpangan Intan MCKIP, Persimpangan Bertingkat Sungai Ular dan Jalan Susur MCKIP akan dilaksanakan pada tahun 2014.

**Jalan Pantai Mersing - Kampung Sedili Besar**

Jalan Pantai Mersing ke Kampung Sedili Besar telah dikenalpasti sebagai salah

satu projek yang akan dilaksanakan di bawah Pelan Induk ECER. Jalan pesisir pantai ini akan menghubungkan Mersing dengan Kampung Sedili Besar dan kawasan-kawasan pertumbuhan lain hinggalah ke Singapura. Cadangan jalan sejauh 54 km ini telah direka bentuk dengan memenuhi piawaian teknikal JKR R4. Pembinaan projek ini akan melibatkan dua pakej iaitu Pakej A sepanjang 29 km yang menghubungkan Mersing dengan Tanjung Leman dan Pakej B sepanjang 25 km yang menghubungkan Tanjung Leman dengan Kampung Sedili Besar.

Apabila siap kelak, jalan ini akan menjadi penggerak utama dalam menggalakkan lagi pembangunan industri pelancongan kawasan pesisiran pantai di timur negeri Johor. Dengan adanya jalan penghubung yang baik, industri pelancongan di daerah Mersing akan dapat dipertingkatkan lagi di samping dapat meningkatkan pendapatan penduduk tempatan apabila hasil perikanan dan perladangan mereka dapat dibawa ke pasaran yang lebih luas.

### *Central Spine Road*

Projek penaiktarafan jalan sepanjang 390 km ini akan menghubungkan Kuala Krai dengan Gua Musang, Kuala Lipis, Raub, Bentong dan Simpang Pelangai. Pembinaan projek jalan ini akan dapat membantu meningkatkan jaringan perhubungan jalan darat antara  kawasan-kawasan pedalaman di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ia juga akan dapat menjimatkan masa perjalanan penduduk di daerah Bentong, Raub dan Kuala Lipis yang ingin ke Kuala Krai dan Kota Bharu di Kelantan. Kewujudan jalan perhubungan yang selesa serta rangkaian pengangkutan yang lebih efektif ini diyakini akan menjana pertumbuhan sosioekonomi yang lebih mampan di kawasan-



*Central Spine Road Gua Musang ke Kuala Lipis*

kawasan penempatan sekitar jajaran laluan tersebut. Seterusnya ini akan memberi faedah secara langsung kepada rakyat untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik di kawasan-kawasan bandar yang berdekatan serta menggalakkan lagi pertumbuhan aktiviti sosioekonomi di semua daerah yang terlibat.

Dalam tahun yang dilaporkan terdapat empat seksyen yang sedang di dalam fasa pembinaan, iaitu:

i) Pakej 3: Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang - Seksyen 3F1: Kampung Kubang Rusa ke Kampung Sungai Yu sepanjang 7 km
ii) Pakej 3: Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang - Seksyen 3F2: Kampung Sungai Yu ke Felda Chegar Perah 2 sepanjang 6.6 km
iii) Pakej 3: Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang - Seksyen 3G: Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang sepanjang 12.4 km



*Jambatan Bukit Kuang*

iv) Pakej 3: Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang - Seksyen 3H: Felda Telang ke Kampung Kechur sepanjang 11.8 km

**Pembinaan Jambatan Bukit Kuang**

